

**PERSEPSI UMAT ISLAM DI NEGERI KEDAH TERHADAP
KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI
PERBANKAN INTERNET**

RIDZUAN BIN AHMAD

**SARJANA SAINS PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
DISEMBER 2013**

**PERSEPSI UMAT ISLAM DI NEGERI KEDAH TERHADAP
KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI PERBANKAN
INTERNET**

OLEH:

RIDZUAN BIN AHMAD
(No. Matrik: 810001)

**Kertas Projek Ini Diserahkan Kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business,
Universiti Utara Malaysia, Untuk Memenuhi Keperluan Bagi
Ijazah Sarjana Sains Pengurusan**

PERAKUAN DISERTASI

Penyelidik mengaku bahawa semua kerja disertasi yang dinyatakan dalam disertasi ini adalah kerja Penyelidik sendiri (melainkan jika tidak diakui di dalam teks) dan bahawa tidak ada kerja disertasi sebelum ini telah dikemukakan untuk apa-apa program akademik Sarjana. Semua sumber maklumat yang dipetik telah diakui melalui rujukan.

Tarikh: _____

Tandatangan Pelajar:_____

KEBENARAN MERUJUK DISERTASI

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Sarjana Sains (Pengurusan). Penyelidik bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia menjadikan disertasi ini sebagai bahan rujukan. Penyelidik juga bersetuju membenarkan sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada disertasi ini untuk tujuan akademik dengan mendapatkan kebenaran penyelia disertasi atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business. Sebarang bentuk salinan atau penggunaan sama ada secara keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada disertasi ini bagi tujuan komersil tidak dibenarkan sama sekali tanpa kebenaran daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan dalam penggunaan sebarang bentuk bahan-bahan yang terdapat di dalam disertasi ini.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan secara keseluruhan atau sebahagian disertasi ini boleh dibuat dengan menulis kepada:

DEKAN,
OTHMAN YEOP ABDULLAH GRADUATE SCHOOL OF BUSINESS,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam atas junjungan besar Rasulullah SAW. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatNya sehingga dapat penyelidik menyempurnakan penulisan ilmiah ini dengan jayanya. Terlebih dahulu penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia penulisan ilmiah ini iaitu Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Azizi bin Abu Bakar kerana sentiasa bersedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang membina sepanjang penyelidik menyempurnakan tugas ini daripada awal sehinggalah penulisan ilmiah ini dapat disiapkan.

Ribuan terima kasih juga buat keluarga tercinta terutamanya isteri: Puan Suzana binti Sa'ad, yang banyak memberikan semangat, serta anak-anak: Nur Wardatul Husna, dan Muhammad Ihsan yang turut berkorban masa untuk memberi ruang kepada penyelidik melengkapkan tugas ini dengan sempurna. Tidak ketinggalan juga kepada ibu tercinta, rakan-rakan di UUM dan juga kepada orang perseorangan yang turut membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian dan penulisan ini.

Sekali lagi penyelidik memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah SWT di dunia dan akhirat. Diharapkan penulisan ilmiah ini dapat membantu umat Islam khususnya dalam aspek zakat.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pembayaran zakat melalui perbankan internet telah dilaksanakan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) semenjak tahun 2005. Kaedah ini ternyata menjimatkan masa, kos dan tenaga pembayar zakat. Bayaran zakat boleh disempurnakan di mana sahaja, pada bila-bila masa. Namun, amalan tradisi yang sudah sebatik dalam masyarakat dimana pembayaran zakat dilaksanakan secara bersemuka bersama akad, maka kaedah perbankan internet kadang menimbulkan keraguan kepada masyarakat. Selain itu, turut wujud perbincangan mengenai isu keselamatan dan persepsi negatif terhadap transaksi ini. Walaupun sudah mencecah usia sepuluh tahun kaedah ini diperkenalkan, perkara yang sama masih bermain dalam fikiran masyarakat. Objektif kajian adalah untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap isu-isu yang dibangkitkan, melihat sejauh mana kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap isu tersebut, membuat analisa, serta mengemukakan cadangan serta penjelasan terhadap isu tersebut. Kaedah kuantitatif secara soal-selidik digunakan terhadap responden dan hasil kajian menunjukkan bahawa penerimaan dan kefahaman masyarakat terhadap kaedah ini masih berada di tahap yang rendah. Sehubungan itu, usaha-usaha perlu ditingkatkan oleh pihak yang berwajib khususnya institusi zakat dan institusi perbankan untuk lebih menggalakkan masyarakat menggunakan kemudahan ini.

ABSTRACT

Zakat payment through internet banking has been implemented by the Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) since 2005. This method turns out to save time, cost and effort of zakat payers. Payment of zakat can be executed anywhere, at anytime. However, traditional practices entrenched in the community where the payment of zakat performed in person with the 'akad', this internet banking methods sometimes cast doubt on society. In addition, there is also a debate about security issues and the negative perception of this transaction. Even after ten years of this method is introduced, the same issue still raised in the society. The objective of the study is to examine the public perception of the issues raised, their understanding and acceptance issues, analyze, and make recommendations as well as clarification on the issue. Quantitative methods in the questionnaire are used for the respondents and the results show that the acceptance and understanding of the method is still at a low level. Therefore, efforts should be enhanced by the relevant authorities, especially zakat institutions and banking institutions to encourage more people to use this facility.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN DISERTASI	ii
KEBENARAN MERUJUK DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB PERTAMA : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	
1.5.1	Objektif Umum	6
1.5.2	Objektif Khusus	7
1.6	Kepentingan Kajian	
1.6.1	Teori	7
1.6.2	Praktikal	8
1.6.2.1	Jabatan Zakat Negeri Kedah	8
1.6.2.2	Institusi Perbankan	8
1.6.2.3	Masyarakat	9
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Struktur Penyelidikan	10

BAB KEDUA : SOROTAN LITERASI

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Konsep Zakat Dalam Islam	12
2.3	Hukum Zakat	13
2.4	Syarat Wajib Berzakat	14
2.4.1	Islam	14
2.4.2	Milik Sempurna	15
2.4.3	Cukup Nisab	15
2.4.4	Cukup Haul	16
2.4.5	Niat Untuk Berniaga	16
2.5	Jenis-Jenis Zakat	16
2.6	Agihan Zakat	17

2.7	Rumusan	20
-----	---------	----

BAB KETIGA : LATAR BELAKANG INSTITUSI ZAKAT DALAM ISLAM DAN INSTITUSI ZAKAT NEGERI KEDAH

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Zakat Zaman Rasulullah Dan Sahabat	21
3.3	Pentadbiran Zakat Negeri Kedah	23
3.3.1	Penubuhan	23
3.3.2	Objektif Jabatan Zakat Negeri Kedah	25
3.3.3	Kaedah Pembayaran Zakat (Kemudahan Pembayaran Zakat Yang Disediakan)	28
3.4	Rumusan	30

BAB KEEMPAT: PEMBAYARAN ZAKAT SECARA PERBANKAN INTERNET MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

4.1	Pendahuluan	31
4.2	Perbankan Internet	31
4.3	Senarai Bank-Bank Yang Dilantik Sebagai Agen Transaksi Zakat	42
4.4	Persepsi Masyarakat Terhadap Perbankan Internet	42
4.5	Akad Dalam Muamalat	45
4.6	Pembayaran Zakat Secara Perbankan Internet Menurut Perspektif Islam	46
4.7	Rekabentuk Teori	51
4.8	Hipotesis Penyelidikan	51
4.9	Rumusan	53

BAB KELIMA : METODOLOGI KAJIAN

5.1	Pendahuluan	54
5.2	Reka Bentuk Kajian	
5.2.1	Jenis Pengkajian	54
5.2.2	Jenis Kajian	55
5.3	Kaedah Kajian	55
5.4	Pengumpulan Data	
5.4.1	Pendekatan Pengumpulan Data	56
5.4.2	Jenis-Jenis Data	56
5.5	Reka Bentuk Persampelan	57
5.5.1	Populasi	57

5.5.2	Prosedur Pemilihan Sampel	57
5.5.3	Saiz Sampel	58
5.6	Instrumen Kajian	58
5.7	Ujian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	59
5.8	Jenis Analisis	60
5.8.1	Analisis Statistik	60
5.9	Peralatan Analisis	61
5.10	Rumusan	61

BAB KEENAM : DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

6.1	Pendahuluan	63
6.2	Ringkasan Analisis Data	63
6.2.1	Profail Demografi	63
6.3	Analisa Deskriptif	71
6.4	Ujian Reliabiliti	71
6.5	Ujian Korelasi	73
6.5.1	Hipotesis Kajian	73
6.5.2	Pembolehubah Bersandar Mengenai Persepsi: Pengetahuan Responden	75
6.5.3	Pembolehubah Bersandar Mengenai Persepsi: Penggunaan Perkhidmatan	76
6.5.4	Pembolehubah Bersandar Mengenai Pengetahuan/ Penggunaan, Dan Pandangan Hukum	78

BAB KETUJUH : PERBINCANGAN DAN CADANGAN

7.1	Pendahuluan	79
7.2	Perbincangan	79
7.3	Kemudahan (Rukhsah) Dalam Muamalat	81
7.4	Cadangan	83
7.5	Sumbangan Kepada Masyarakat	84
7.6	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	85
7.7	Rumusan	86

RUJUKAN	88
----------------	----

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

	Tajuk	Muka Surat
Rajah 3.1:	Carta Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	26
Rajah 4.1:	Kerangka Kerja Konseptual	51

SENARAI JADUAL

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1 :	Gelagat Pembayaran Tunai Melalui Kaunter	29
Jadual 4.1:	Jumlah Pendaftaran Penggunaan Perbankan Internet Dan Perbankan Telefon Mudah Alih	35
Jadual 4.2 :	Saluran Pembayaran: Jumlah Transaksi Dan Nilai	36
Jadual 4.3:	Kutipan Zakat Selama 6 Tahun Melalui Kaedah Perbankan Internet	39
Jadual 4.4:	Perbankan Internet Mengurangkan Kos Transaksi	41
Jadual 5.1:	Reliability Statistics	59
Jadual 6.1 :	Jantina	63
Jadual 6.2 :	Umur	64
Jadual 6.3 :	Pendidikan	64
Jadual 6.4 :	Pekerjaan	65
Jadual 6.5 :	Pendapatan	65
Jadual 6.6 :	Kemudahan Internet	66
Jadual 6.7 :	Kekerapan	66
Jadual 6.8 :	Pengetahuan	67
Jadual 6.9 :	Pernah Menggunakan	67
Jadual 6.10 :	Jika Ya (Pernah Membayar Zakat Melalui Perbankan Internet)	68
Jadual 6.11 :	Jika Tidak Pernah	69
Jadual 6.12 :	Pandangan Hukum	70
Jadual 6.13 :	Sebab Tidak Sah	70
Jadual 6.14 :	Descriptive Statistics	71
Jadual 6.15 :	Reliability Statistics	72
Jadual 6.16 :	Reliability Statistics	72
Jadual 6.17 :	Reliability Statistics	72
Jadual 6.18 :	Reliability Statistics	73
Jadual 6.19 :	Correlations	75
Jadual 6.20 :	Correlations	78

SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
Ibn.	Ibnu
JZNK	Jabatan Zakat Negeri Kedah
KDYMM	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
r.a	Radhiallahu'anhu
SAW	Sallallaahu 'Alaihi Wasallam
SWT	Subhaanahu Wa Ta'ala

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemajuan pengurusan zakat semakin meningkat sama ada dalam aspek kutipan mahupun agihan zakat. Masyarakat dilihat semakin sedar kewajipan menunaikan ibadah zakat ini terutamanya produk-produk zakat yang baharu seperti zakat pendapatan, saham dan seumpamanya. Masyarakat juga semakin hari dilihat semakin beralih daripada membayar sendiri terus kepada *asnaf*, kepada melunaskan zakat mereka kepada pihak JZNK. Dana yang terkumpul dan semakin meningkat saban tahun ini membolehkan pelbagai perancangan untuk memajukan umat Islam dalam lingkungan *asnaf* yang lapan direncanakan.

Rukun Islam yang ketiga ini adalah wadah ekonomi umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Kecemerlangan institusi zakat pada zaman Khalifah Umar Ibn. Abdul Aziz adalah menjadi model utama institusi zakat pada hari ini. Begitu juga ketegasan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq dalam memerangi mereka yang enggan membayar zakat. Sejarah ini adalah intipati perjuangan semua institusi zakat.

Pengurusan zakat sejak zaman Rasulullah SAW hingga kini mengalami pelbagai bentuk perubahan. Pelbagai ijtihad baharu dikeluarkan hasil kajian oleh sarjana fiqh untuk memastikan pelaksanaan zakat itu sesuai sepanjang zaman. Bagi harta yang dikenakan zakat, kita dapat lihat pada hari ini, pelbagai jenis harta kekayaan baharu

ditafsirkan tunduk kepada syarat zakat. Begitu jugalah dengan *asnaf* zakat. Tafsiran *asnaf* itu diluaskan agar menjaga kepentingan dan *masalah* umat Islam. Peningkatan kutipan zakat pada hari ini disumbangkan oleh pelbagai faktor. Disamping dakwah dan kesedaran masyarakat, kemudahan dan kaedah pembayaran zakat juga memainkan peranan utama terhadap peningkatan kutipan.

Penyelidik adalah seorang yang berkecimpung secara langsung dalam pentadbiran zakat dan telah berkhidmat di JZKN selama 10 tahun. Sepanjang tempoh ini, penyelidik mendapati terdapat beberapa *trend* atau budaya pembayaran yang kadangkala bukanlah sesuatu keperluan untuk dilaksanakan, tetapi sudah sebatik dalam fahaman masyarakat. Amalan ini ternyata menyukarkan mereka, sedangkan di sana masih ada banyak ruang pembayaran zakat yang secara jelas tidak bercanggah dengan Islam untuk diterimapiakai. Cara ini lebih praktikal, mudah, menjimatkan masa dan jelasnya tidak sama sekali bertentangan dengan agama Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemunculan internet telah sejak 25 tahun yang lalu telah menjadikan dunia tanpa sempadan. Internet berupaya menghubungkan manusia di mana sahaja dalam masa yang singkat tanpa perlu berhadapan secara fizikal. Teknologi maklumat di hujung jari ini semakin berkembang dengan begitu pesat. Penggunaannya tidak terbatas kepada pencarian maklumat, malah turut digunakan dalam bidang pendidikan, komunikasi di pelbagai peringkat agensi/masyarakat, hiburan, malah pada masa ini ada pihak yang menjadikan internet sebagai sumber pendapatan dan kekayaan. Hari ini, kemampuan

internet untuk memberikan perkhidmatan 24 jam, 7 hari seminggu membuatkan manusia seolah-olah bergantung kepada internet dan menjadikannya sebagai satu keperluan dalam urusan seharian.

Kemunculan fenomena baru media sosial pula seakan-akan mendesak dan memaksa masyarakat untuk celik komputer dan internet. Disamping perkongsian maklumat, medan yang luas tanpa sempadan ini turut digunakan sebagai ruang niaga urusan jual-beli pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Selari dengan perkembangan internet itu, muncul pula perkhidmatan perbankan internet. Perkhidmatan ini membolehkan pengguna/pelanggan bank menguruskan keluar masuk perbelanjaan akaun mereka di bank bagi pelbagai tujuan sama ada ketika mereka berada di rumah, pejabat atau di mana sahaja. Selain menyemak baki, pemindahan wang, pengguna juga boleh melakukan pembelian/pembayaran secara atas talian. Perkembangan ini semakin merancakkan lagi pertumbuhan e-dagang.

JZNK tidak terkecuali dalam mengikuti perkembangan arus teknologi maklumat ini. JZNK pada tahun 2005 telah mengambil kesempatan untuk memberi kemudahan pembayaran zakat secara perbankan internet kepada umat Islam. Namun, masih ada di sana mereka yang masih ragu-ragu untuk menggunakan saluran pembayaran ini. Menurut Ghazali Yaacob, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, seringkali ketika pihak JZNK memaklumkan kemudahan ini semasa penerangan mengenai zakat, pasti ada persoalan yang akan dibangkitkan oleh masyarakat mengenai perkara ini (Ghazali Yaacob, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, temu bual pada 28 November 2013). Keraguan berpunca daripada peralihan kaedah lama yang sudah

menjadi budaya, tidak tahu menggunakannya, bimbang menyalahi hukum atau tidak yakin tentang sejauh mana keselamatan transaksi kewangan itu sendiri. Ada juga yang dilihat terikat dengan budaya lama pembayaran sehingga menyangka kaedah itu adalah wajib dilaksanakan dalam pembayaran zakat.

1.3 Penyataan Masalah

Peningkatan zakat seluruh Malaysia setiap tahun adalah amat ketara. Menurut Mohamed Izam Mohamed Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, bagi tahun kewangan 2012, jumlah keseluruhan kutipan zakat seluruh Malaysia ialah sebanyak RM1.91 billion, berbanding lima tahun lalu iaitu pada tahun 2008 sebanyak RM1.03 billion. Dalam tempoh lima tahun ini, dapat dilihat peningkatan kutipan zakat telah melonjak sehingga 85% (Mohamed Izam Mohamed Yusof, 2013). Faktor-faktor ini disumbangkan oleh pelbagai kaedah yang telah diketengahkan oleh agensi mengurus zakat di 14 buah negeri seluruh Malaysia.

Pelbagai kaedah dan kemudahan diperkenalkan seperti melantik agen-agen korporat, kaedah pembayaran zakat secara kad debit/kredit, khidmat pesanan ringkas, dan perbankan internet. Kesemua ini adalah demi untuk memberi kemudahan kepada pembayar zakat menunaikan tuntutan rukun Islam yang ketiga ini. Institusi zakat juga melihat pengurusan zakat perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi, khususnya teknologi maklumat yang begitu pesat sekarang ini. Kaedah perbankan internet diperkenalkan oleh JZNK pada tahun 2005 menunjukkan JZNK berhasrat untuk memberikan kemudahan terbaik kepada umat Islam tanpa batasan masa, dan

sempadan negeri serta menjimatkan masa, kos, tenaga mereka, dan yang paling penting dijamin selamat serta tidak menyalahi hukum syara’.

Oleh kerana ibadah dan kaedah bayaran secara tradisi ini telah bertapak di dunia sejak 1,434 tahun hijrah yang lalu, masyarakat rata-rata menganggap kaedah tersebut sebagai perkara yang perlu dilakukan untuk melengkapkan ibadah pembayaran zakat. Diperingkat awal kaedah ini diperkenalkan, pelbagai persoalan, kemushkilan, dan tidak kurang juga pertikaian yang terpaksa dihadapi oleh pengurusan zakat. Pelbagai saluran penjelasan disediakan kepada masyarakat. Namun, didapati masih ada kalangan yang seakan-akan skeptikal dan enggan menerima kehadiran teknologi ini dalam kehidupan mereka.

Data daripada Sistem Maklumat Zakat JZNK menunjukkan bahawa jumlah pengguna yang menggunakan kaedah ini kurang memberansangkan. Tidak dinafikan berlakunya peningkatan setiap tahun, tetapi agak perlahan. Penyelidikan ini akan melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut dengan membuat kajian mengenai persepsi masyarakat kemudahan, kegunaan, tingkah laku masyarakat, keyakinan/kepercayaan, dan persoalan hukum. Kesemua faktor ini mempengaruhi niat dan gelagat pembayaran zakat melalui perbankan internet.

Sekiranya pembayar zakat memilih kaedah ini, ia bukan sahaja memberi kelebihan kepada mereka dari segi penjimatan masa, tenaga, dan kos, malah kaedah ini turut memberi impak kepada operasi pengurusan zakat Negeri Kedah. Justeru, pastinya terdapat beberapa perkara yang perlu dikenal pasti yang menjadi halangan kepada pembayar zakat daripada menggunakan kaedah ini. Penyelidik yakin, sekiranya

kesemua isu-isu yang dibangkitkan mampu dijelaskan dan difahami dengan baik, pembayar zakat akan beralih daripada kaedah tradisi kepada kaedah perbankan internet ini.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah persepsi masyarakat terhadap kefahaman, kepercayaan dan kemudahan system perbankan internet dilaksanakan.
- ii. Sejauh manakah hubungan kemudahan, kegunaan, tingkah laku masyarakat, hukum, keyakinan/kepercayaan terhadap persepsi masyarakat.
- iii. Apakah halangan-halangan kepada masyarakat terhadap penerimaan kemudahan pembayaran zakat secara perbankan internet.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum

- i. Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kemudahan ini yang menjimatkan kos, masa, tenaga, selamat dan sah dari sudut hukum syara'.

1.5.2 Objektif Khusus:

- i. Untuk mengetahui persepsi masyarakat terhadap kemudahan ini dari segi kefahaman, kepercayaan, dan kegunaan.
- ii. Untuk melihat sejauh manakah hubungan kemudahan, kegunaan, tingkah laku masyarakat, hukum, keyakinan/kepercayaan terhadap persepsi masyarakat.
- iii. Untuk mengenal pasti halangan-halangan yang menyebabkan masyarakat enggan menggunakan kaedah ini, serta memberi cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut.

1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Teori

Kajian ini menonjolkan kepentingan pembayaran zakat melalui perbankan internet kepada institusi zakat. Disamping itu, kajian ini juga memberi penjelasan terhadap pembangunan sistem kewangan Islam berkaitan zakat, serta transformasi yang berlaku seiring dengan perubahan masa, teknologi, budaya dan masyarakat. Penyelidikan ini juga dapat mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap kaedah ini, serta aspek hukum berkaitan. Analisa dan penjelasan kajian ini dapat memberi input baharu dan seterusnya membantu

agensi berkaitan serta masyarakat memahami dengan lebih lanjut isu-isu yang dibangkitkan, serta penyelesaiannya.

1.6.2 Praktikal

1.6.2.1 Jabatan Zakat Negeri Kedah

Membantu JZNK dalam kerja-kerja dakwah kepada masyarakat. Kemudahan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesesakan di kaunter pembayaran zakat, khususnya pada waktu puncak pada bulan Ramadhan dan Disember setiap tahun. Sekiranya urusan kaunter dapat dikecilkan, kakitangan boleh ditugaskan untuk perkara-perkara lain. Ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos operasi, meningkatkan kutipan zakat, serta dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan (pembayar dan *asnaf* zakat).

1.6.2.2 Institusi Perbankan

Membantu pihak bank selaku agen yang dilantik sebagai pihak ketiga dan orang tengah yang menghubungkan antara pembayar zakat dan JZNK, dalam membuat penambahbaikan program pendidikan terhadap pelanggan mereka yang sama ada pelanggan baharu atau sedia ada agar lebih memahami kemudahan yang disediakan ini. Pihak bank selaku

penyedia perkhidmatan perlu memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa kaedah yang disediakan ini selamat, amat mudah digunakan, serta mampu menjimatkan masa, kos, dan tenaga mereka.

1.6.2.3 Masyarakat

Dalam penyelidikan ini, masyarakat merujuk kepada umat Islam dalam Negeri Kedah yang berpotensi sebagai pembayar zakat dan mempunyai pengetahuan mengenai internet. Hasil tinjauan awal penyelidik bersama masyarakat mendapati, isu keselamatan, dan hukum sering dibangkitkan oleh mereka. Juteru, hasil penyelidikan ini diharap dapat merungkai persepsi negatif masyarakat terhadap kemudahan ini sama ada isu keselamatan, hukum dan perkara-perkara berkaitan. Apabila tahap kefahaman dan keyakinan ini berjaya ditingkatkan, kaedah ini dapat mengubah gaya hidup mereka ke arah yang lebih baik, sesuai dengan perubahan teknologi, dan zaman masa kini.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini ialah untuk melihat persepsi masyarakat sama ada pembayar zakat atau tidak, dan sebagai mewakili kelompok masyarakat. Responden yang dipilih juga adalah dari kalangan dewasa yang dianggap celik teknologi maklumat.

Penyelidikan ini tertumpu kepada persepsi masyarakat mengenai kemudahan, kegunaan, tingkah laku masyarakat, hukum, keyakinan/kepercayaan terhadap kaedah pembayaran zakat menerusi kemudahan perbankan internet untuk membayar zakat.

Pengurusan zakat di Malaysia adalah mengikut negeri. Oleh itu, bagi mengkhususkan skop penyelidikan antara masyarakat dan agensi yang menguruskan zakat, maka penyelidikan ini hanya tertumpu di kalangan masyarakat Islam dalam Negeri Kedah sahaja. JZNK selaku badan autoriti yang menguruskan kutipan dan agihan zakat dalam negeri Kedah menjadi rujukan utama bagi sumber data untuk melihat situasi kini serta perbandingan, dan data pembayaran zakat secara perbankan internet.

1.8 Struktur Penyelidikan

Bab pertama kajian ini menjelaskan mengenai gambaran umum kertas penyelidikan ini. Bahagian ini menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dari sudut teori serta praktikal, dan skop kajian.

Bab kedua merupakan sorotan literasi berkaitan kajian yang dijalankan. Bab ini akan menjelaskan mengenai konsep zakat dalam Islam, hukum zakat, syarat-syarat wajib zakat serta mereka yang layak untuk menerima zakat.

Bab ketiga akan menjelaskan mengenai sejarah institusi zakat bermula pada zaman Rasulullah SAW, sahabat, serta sejarah dan latar belakang institusi zakat di negeri Kedah.

Bab yang keempat akan menghuraikan mengenai pembayaran zakat secara perbankan internet menurut perspektif Islam, perkembangan perbankan internet di Malaysia sejak dari mula kemudahan ini diperkenalkan hingga kini, dan reka bentuk teori kajian ini serta hipotesis.

Bab kelima membincangkan mengenai metodologi kajian. Dalam bab ini penyelidik akan menghuraikan reka bentuk kajian yang dijalankan, kaedah kajian yang digunakan, ujian rintis yang dijalankan terhadap responden awal untuk melihat kebolehpercayaan soal-selidik yang bakal dijalankan, dan analisis data yang akan digunakan berdasarkan program SPSS 20.0.

Bab keenam pula akan menganalisa data-data hasil penemuan atas kajian yang telah dijalankan. Dalam bab ini, dapatan kajian akan menjelaskan taburan responden yang ditemui semasa sesi soal-selidik ini dijalankan serta latar belakang mereka. Beberapa ujian terhadap data seperti deskriptif, reliabiliti, korelasi turut dilaksanakan.

Manakala bahagian akhir iaitu bab yang ketujuh pula adalah rumusan dan cadangan kajian.

BAB KEDUA

SOROTAN LITERASI

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan menjelaskan mengenai konsep zakat dalam Islam, dengan melihat kedudukan hukum zakat itu sendiri. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai syarat-syarat yang mewajibkan sesuatu harta itu dikenakan zakat, jenis-jenis zakat yang diwajibkan, serta golongan *asnaf* yang layak menerima agihan zakat.

2.2 Konsep Zakat Dalam Islam

Dari segi bahasa, perkataan zakat bererti berkat, tumbuh, bersih, berkembang dan baik. Manakala dari segi istilah fiqh pula, zakat bermaksud sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya (Yusuf al-Qardhawi, 1988). Dalam al-Quran perkataan zakat digandingkan dengan sembahyang (solat) sebanyak dua puluh lapan (28) kali (Al-Sayyid Saabiq, 1984). Ini menunjukkan perintah zakat itu amat penting dalam Islam.

Zakat adalah satu perkongsian, mengambil harta dari kalangan kaya dan berada untuk diberikan kepada yang miskin, melarat dan mereka yang memerlukan. Falsafah zakat juga menggambarkan keseimbangan sosial di dalam Islam. Semakin kaya seseorang

masyarakat, semakin meningkatlah kutipan zakat. Semakin meningkat kutipan zakat menjadikan *asnaf* zakat semakin terbelas.

Sekiranya zakat beroperasi dengan baik, zakat boleh menjadi indikator ekonomi umat Islam. Selain itu, ia juga mampu beroperasi sebagai pusat perbendaharaan Islam dalam mengimbangi pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

2.3 Hukum Zakat

Mengeluarkan zakat adalah wajib berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ulamak. Ia merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Mengabaikan zakat adalah termasuk dalam kategori dosa besar. Mengingkari kewajibannya akan menyebabkan seseorang muslim itu murtad dari agama Islam. Kalimah zakat diulang sebanyak 30 kali oleh Allah SWT di dalam al-Quran (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003). Diantara ayatnya ialah;

Firman Allah SWT:

“Dan dirikanlah solat serta tunaikan zakat. Apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, pasti kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.”

(Terjemahan surah al-Baqarah 2:110)

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu

jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(Terjemahan surah al-Baqarah 2: 267)

Selain al-Quran, terdapat juga Hadis daripada Rasulullah SAW yang menyatakan mengenai kewajipan zakat sebagai salah satu rukun Islam. Daripada Ibn. Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Agama Islam ditegakkan atas lima perkara, iaitu mengucap dua kalimah syahadat, mendirikan sembahyang fardhu, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah (jika mampu), dan berpuasa pada bulan Ramadhan.”

(Terjemahan Hadis Riwayat al-Bukhari (1986), dan Muslim (1998))

2.4 Syarat Wajib Berzakat

Syarat wajib ini bererti sesuatu harta itu akan dikenakan apabila mempunyai semua syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini.

2.4.1 Islam

Zakat hanya dikenakan ke atas harta apabila cukup syarat-syaratnya. Bagi perniagaan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam, hanya peratusan ekuiti orang Islam sahaja yang diambil kira untuk dikenakan zakat. Mengulas mengenai perkara ini, Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003) menjelaskan bahawa ulama bersependapat bahawa zakat itu hanya diwajibkan atas harta milik orang Islam sahaja. Para ulama

berselisih pendapat mengenai sama ada dikenakan zakat bagi harta milik kanak-kanak dan orang gila. Namun, pendapat yang lebih kuat dan sesuai diamalkan ialah zakat dikenakan atas harta milik mereka. Menjadi tanggungjawab wali atau penjaga mereka untuk menunaikan zakat bagi pihak mereka.

2.4.2 Milik Sempurna

Harta halal yang dimiliki mestilah sempurna dalam kekuasaan seseorang. Pemilik juga dapat membelanjakan dan memperoleh manfaat daripadanya. Ini bererti zakat tidak diwajibkan pada harta yang haram seperti diperolehi melalui pencurian, penipuan, rasuah dan sebagainya. Demikian juga bagi harta yang milik awam seperti harta kerajaan, masjid kerana ia adalah milik semua orang dan tidak ada sesiapa yang pun yang berhak mendakwa harta itu milik beliau, ataupun menguruskannya secara peribadi. Ini termasuklah bagi harta wakaf am (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003).

2.4.3 Cukup Nisab

Nisab adalah paras minima yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat. Sekiranya tidak mencapai nilai tersebut atas harta individu itu, maka tidaklah diwajibkan zakat atasnya (Mustafa al-Khin *et al.* 1992). Nisab berbeza mengikut jenis harta. Contohnya nisab bagi zakat harta adalah bersamaan dengan nilai semasa 85 gram emas. Nisab bagi zakat pertanian (padi) ialah 1,300.49 kilogram, dan nisab bagi zakat ternakan kambing/biri ialah 40 ekor, lembu/kerbau 30 ekor.

2.4.4 Cukup Haul

Bermaksud genap setahun iaitu selama 354 hari mengikut tahun Hijrah. Syarat bagi setahun ini ialah pada zakat ternakan, wang simpanan, harta benda dagangan, iaitu yang dapat dimasukkan ke dalam istilah zakat modal. Tetapi harta pertanian, buah-buahan, madu, galian, harta karun dan lain-lainnya yang sejenis adalah tidak disyaratkan satu tahun tersebut (Yusuf al-Qardhawi, 1988).

2.4.5 Niat untuk Berniaga

Hendaklah harta yang tertakluk kepada kiraan zakat itu diniatkan oleh pemiliknya untuk diperdagangkan. Sekiranya harta milik peniaga tersebut diniatkan untuk digunakan bagi urusan perniagaan atau urusan peribadi, maka harta tersebut tidak tertakluk kepada kiraan zakat (Mustafa al-Khin *et al.* 1992). Harta yang diniagakan itu pula adalah halal di sisi syariat dan perlaksanaan perniagaannya juga hendaklah mengikut syariat Islam.

2.5 Jenis-Jenis Zakat

Zakat terdiri daripada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta pula terdiri daripada zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat ternakan, zakat tanaman

(padi), zakat simpanan, zakat saham, zakat KWSP, zakat emas, dan zakat perak (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003).

2.6 Agihan Zakat

Terdapat hanya golongan tertentu sahaja yang layak menerima zakat. Golongan ini terdiri dari lapan jenis golongan yang secara spesifik telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang muallaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk tujuan di jalan Allah (fisabilillah), orang musafir yang (keputusan belanja) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang sedemikian itu) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT dan (ingatlah) Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

(Terjemahan surah al-Taubah 9:60)

Ayat ini menjadi asas rujukan kepada agihan yang diamalkan semenjak zaman Rasulullah sehinggalah pengurusan zakat seluruh dunia yang ada pada hari ini. Ayat ini menjelaskan bahawa agihan zakat itu hanyalah berhak diberikan kepada 8 *asnaf* sahaja. Berikut ialah tafsiran 8 *asnaf* tersebut seperti yang dinyatakan dalam Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955), serta amalan agihan terkini secara umum yang dilaksanakan oleh JZKN:

i. Fakir

Orang yang papa yang tiada mempunyai apa-apa pencarian atau harta atau orang yang tiada boleh mengadakan setengah daripada kehendaknya untuk nafkahnya. JZNK mengagihkan bantuan berbentuk kewangan dan makanan bulanan, pembinaan dan saraan pusat penempatan warga tua yang dhoif dan sebagainya.

ii. Miskin

Orang yang melarat yang sungguhpun mempunyai sedikit harta atau apa-apa pencarian cuma dapat mengadakan lebih sedikit daripada setengah kehendaknya untuk nafkahnya. *Asnaf* ini antara *asnaf* yang menerima peruntukan agihan yang tertinggi saban tahun. Bagi *asnaf* ini, selain bantuan berbentuk kewangan dan makanan bulanan, terdapat pelbagai bantuan lain seperti pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat Kedah, pengurusan pusat kemahiran jahitan zakat, pendidikan untuk *asnaf* miskin, sekolah agama rakyat, dan bantuan jayadiri berbentuk ekonomi bertujuan untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

iii. Amil

Penerima atau pemungut zakat yang diangkat oleh Jawatankuasa. Sebanyak 1/8 daripada perolehan keseluruhan kutipan zakat digunakan untuk tujuan pengurusan meliputi gaji pekerja, utiliti, perjalanan kakitangan, kursus pembangunan & kemahiran, penyelidikan dan pembangunan, belanja promosi dan sebagainya.

iv. Muallaf

Orang yang baru memeluk agama Islam yang lemah agamanya. Selain pembinaan Pusat Bimbingan Islam (PUSBA) untuk tujuan memberi pendidikan agama kepada orang yang baru memeluk Islam, pelbagai bantuan lain diberikan kepada *asnaf muallaf* di negeri Kedah iaitu bantuan berkhatan, saguhati permulaan memeluk agama Islam, saguhati perkahwinan saudara baharu dan lain-lain.

v. Riqab

Hamba yang dikehendaki membayar sekian-sekian banyak wang yang tertentu kepada tuannya sebelum dimerdekakan. Buat masa ini, tiada peruntukan diagihkan bagi *asnaf* ini. Peruntukan bagi *asnaf* ini dipindahkan kepada *asnaf* lain untuk digihkan.

vi. Qarimin

Orang yang berhutang secara yang dilulus oleh syarak. Bagi *asnaf* ini, secara umumnya JZNK melihat keperluan mengikut kesesuaian kes.

vii. Fisabilillah

Apa-apa usaha yang diterima menurut agama Islam untuk kebaikan orang-orang Islam. Selain *asnaf* miskin, *asnaf* ini merupakan *asnaf* yang menerima peruntukan agihan terbesar di negeri Kedah. Tumpuan diberikan untuk membangunkan aspek pendidikan *asnaf*, dan membantu menyebar-luaskan dakwah Islam melalui pembangunan sekolah-sekolah agama rakyat, institusi masjid dan guru-guru agama. Bantuan dan biasiswa pendidikan bagi mereka

yang layak turut diberikan kepada pelajar-pelajar yang menuntut pelbagai bidang sama ada di dalam atau luar negara.

viii. *Ibnu Sabil*

Musafir yang terputus belanja. Disamping membantu musafir yang terputus perbelanjaan, peruntukan *asnaf* ini juga turut dibelanjakan untuk kos tambang pulang bagi membantu pelajar-pelajar yang tamat dan lulus pengajian di timur tengah.

2.7 Rumusan

Kewajipan zakat adalah amat jelas dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis. Begitu juga mengenai syarat-syarat asas yang mewajibkan sesuatu harta itu dikenakan zakat, serta golongan *asnaf* yang layak menerima zakat. Kesemua ini menjadi panduan pengurusan zakat pada hari ini dalam menyesuaikan ciri-ciri asas tersebut agar bersesuaian dengan perkembangan semasa harta yang dimiliki oleh umat Islam, serta keperluan semasa agihan terhadap *asnaf* yang layak.

BAB KETIGA

LATAR BELAKANG INSTITUSI ZAKAT DALAM ISLAM DAN INSTITUSI

ZAKAT NEGERI KEDAH

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan mengenai latar belakang pensyariatan zakat dalam Islam, bermula daripada zaman Rasulullah SAW. Disamping itu, bab ini juga turut menerangkan latar belakang pengurusan zakat di negeri Kedah iaitu organisasi JZNK, dari aspek penubuhan, stuktur organisasi, fungsi serta peranannya sebagai agensi yang bertanggungjawab melaksanakan operasi kutipan dan agihan zakat dalam negeri Kedah.

3.2 Zakat Zaman Rasulullah Dan Sahabat

Jumhur ulama' menyatakan bahawa zakat disyariatkan secara tegas dan teratur pada pada tahun kedua hijrah. Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah memberi implikasi yang besar terhadap aspek hukum dalam syariat termasuk zakat. Sedangkan semasa zaman Makkah, kebanyakan atau hampir keseluruhan wahyu Allah SWT bersifat pengukuhan akidah umat Islam. Semasa era Madinah inilah diperjelaskan jenis harta, syarat-syarat, kadar zakat, jumlah nisab dan golongan penerima zakat (*asnaf*). Antara surah yang paling banyak membicarakan perihal rukun Islam yang ketiga ini ialah surah al-Taubah. Surah ini diturunkan di Madinah (Yusuf al-Qardhawi, 1988).

Apabila negara Islam makin meluas, maka Nabi Muhammad SAW telah mengutus kalangan sahabatnya menjadi gabenor dan sekaligus menjadi tempat rujukan rakyat dalam urusan hukum-hakam. Misalnya, semasa pembukaan Yaman, Nabi Muhammad SAW telah mengutuskan Muaz bin Jabal r.a sebagai gabenor. Sebelum Muaz berangkat ke sana, Nabi SAW telah menyampaikan suatu amanat yang sangat penting. Amanat ini menjadi titik tolak kepada keanjalan hukum fekah dalam menerima elemen ijtihad (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003).

Dalam satu hadis riwayat Ibn. Abbas r.a, ketika mana Nabi SAW ketika mengutuskan Muaz bin Jabal r.a. ke Yaman sebagai pemerintah Islam, Nabi SAW berkata kepada Mu'az:

"Ajaklah mereka supaya mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, dan sesungguhnya aku. Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian, terangkanlah kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka telah mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah SWT memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka, diambil dari orang yang kaya diantara mereka dan diberikan kepada orang-orang yang miskin".

(Terjemahan Hadis Riwayat al-Bukhari (1986), dan Muslim (1998))

Sejarah ini dirakamkan dalam kebanyakan kitab-kitab yang membicarakan hal-ehwal zakat. Sejarah ini juga dijadikan panduan pengurusan zakat selepas zaman Rasulullah SAW, sahabat-sahabat sehinggalah pada hari ini.

Zakat yang dikenakan pada zaman Rasulullah SAW sangatlah terhad kepada beberapa barangan yang wujud di pasaran ketika itu sahaja. Malah, pada peringkat awal, jenis, nisab dan kadar zakat juga masih terlalu umum. Setelah Rasulullah SAW wafat,

pimpinan negara diambil alih oleh Saidina Abu Bakr al-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman al-Affan, dan Ali b. Abi Talib. Ahli sejarah berpendapat, bermula era sahabat inilah sistem zakat dijalankan dengan lebih baik dan mempunyai ciri-ciri dinamik, berkembang serta relevan dengan masyarakat semasa. Keempat-empat khalifah ini berperanan memperteguhkan dasar kutipan dan agihan zakat semasa pemerintahan era masing-masing (Mujaini Tarimin, 1999).

Pada zamah khalifah Abu Bakar al-Siddiq, terdapat cabaran yang hebat terhadap kumpulan yang murtad dan golongan yang enggan membayar zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW. Khalifah dengan tegasnya telah mengambil jalan untuk memerangi golongan tersebut untuk menjaga kesucian Islam. Pada zaman Umar al-Khattab pula, instusi zakat telah diwujudkan untuk menguruskan zakat dengan lebih sistematik dan tersusun. Beberapa ijthid baharu terhadap harta yang dikenakan zakat juga berkembang pada zaman beliau. Perkembangan ini terus berlaku sehinggalah zaman Uthman al-Affan, dan Ali b. Abi Talib (Mujaini Tarimin, 1999).

3.3 Pentadbiran Zakat Negeri Kedah

3.3.1 Penubuhan

Sistem perundangan zakat di Malaysia dipercayai telah pun wujud semenjak pertapakan Islam di Tanah Melayu lagi. Peruntukan undang-undang mengenainya telah dikanunkan di samping perkara-perkara lain mengenai hukum syarak (Siti Mashitoh Mahamood, 2007). Negeri Kedah merupakan negeri yang terawal dalam

Malaysia mempunyai peraturan mengenai kutipan dan agihan zakat. Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah ditubuhkan menurut Enakmen Zakat No. 4 Tahun 1374 (1955) diperbuat oleh KDYMM Tuanku Sultan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri (Enakmen Zakat 1955 [1374]). Dari segi pentadbiran diperingkat kerajaan negeri, Jabatan Zakat Negeri Kedah diklasifikasikan sebagai Badan Berkanun Negeri (Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah, 1992).

Di bawah butiran (1) senarai kedua, jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan, urusan agama Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri, termasuklah hal ehwal Zakat dan Fitrah (Perlembagaan Persekutuan, 2008). Kerajaan Negeri Kedah telah mempertanggungjawabkan Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah bagi mengendalikan segala urusan berkaitan memungut dan mengagihkan dana zakat.

Berbeza dengan pentadbiran zakat negeri-negeri lain dalam Malaysia, JZNK ditubuhkan sebagai sebuah entiti yang berasingan dengan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Sebagai satu-satunya agensi agama yang diberi mandat untuk menguruskan hal ehwal Zakat (kutipan dan agihan) dalam negeri Kedah ini, Jabatan Zakat terus berkembang maju sama ada dari aspek kutipan dan agihan zakat.

Motto Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman: *“Berzakat Membawa Berkat”*

Visi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman: *“Pemangkin Pembangunan Sosio-Ekonomi Umat Islam”*

Misi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman:

Menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan amanah, cekap, adil dan telus melalui:

- i. Kemudahan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pembayar dan *asnaf* zakat.
- ii. Pembangunan modal insan jentera kerja yang cekap dan dinamik
- iii. Penyelidikan penambahbaikan setiap masa.
- iv. Aplikasi teknologi yang terkini.

3.3.2 Objektif Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman

- i. Menyedarkan umat Islam betapa pentingnya kewajipan menunaikan zakat kepada amil-amil yang dilantik oleh KDYMM Sultan dan peningkatan kerja untuk meningkatkan perolehan kutipan zakat demi untuk menjaga kepentingan *asnaf* yang berhak menerima zakat yang dijelaskan oleh al-Quran.
- ii. Menyedarkan umat Islam tentang betapa pentingnya peranan zakat dalam memperbaiki dan meningkatkan ekonomi umat Islam dan masyarakat Islam sejajar dengan falsafah zakat yang mana ianya adalah salah satu sumber ekonomi kerajaan Islam.
- iii. Bekerja dan berusaha ke arah mempertingkatkan syiar Islam dalam negeri ini dan juga untuk mempertingkatkan dakwah Islamiah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dan juga membentaras segala ajaran orang

yang tidak bertanggungjawab berkenaan dengan kutipan zakat dalam negeri ini.

- iv. Mempelbagaikan kutipan zakat daripada semua sumber-sumber zakat yang diluluskan oleh hukum syarak.
- v. Memberi perkhidmatan sebaik-baiknya kepada *asnaf* yang ditentukan oleh syarak dengan memberi keutamaan kepada golongan fakir/miskin.

Rajah 3.1: Carta Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.



Sumber: Jabatan Zakat Negeri Kedah (2013)

Pentadbiran zakat di peringkat Jabatan diketuai oleh seorang Setiausaha, yang juga merupakan setiausaha kepada Jawatankuasa Zakat. Beliau dilantik menurut seksyen 3, Enakmen Zakat 1374 (1955). Sehingga kini, seramai 15 orang dari pelbagai latar belakang pengurusan, dan ahli agama menganggotai Jawatankuasa Zakat. Mereka dilantik atas titah perintah perkenan oleh KDYMM Sultan Kedah.

Senarai Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, bagi tempoh 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2015:

- i. Yang Berhormat Dato' Wira Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
[Pengerusi]
- ii. Yang Amat Arif, Dato' Wira Ketua Hakim Syar'ie Negeri Kedah Darul Aman
- iii. Y. Bhg. Dato' Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Noor
- iv. Y. Bhg. Dato' Seraja Bijaya Dato' Wira Haji Syed Zain Bin Syed Abdullah
- v. Y. Bhg. Dato' Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman
- vi. Y. Bhg. Dato' Pengurus Besar MADA
- vii. Y. Bhg. Dato' Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Kedah
- viii. Y. Bhg. Datuk Setiausaha Sulit KDYMM Tuanku Sultan
- ix. Y. Bhg. Dato' Syeikh Abdul Hamid Bin Md. Tahir
- x. Y. Bhg. Dato' Syeikh Haji Fadzil Bin Haji Awang
- xi. Y. Bhg. Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mustafa
- xii. Y. Bhg. Professor Madya Dr. Asmadi Bin Mohamed Naim
- xiii. Y. Bhg. Tuan Pegawai Agama Daerah Kota Setar
- xiv. Y. Bhg. Tuan Pegawai Agama Daerah Kubang Pasu

xv. Y. Bhg. Dato' Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah Darul Aman

Jawatankuasa Zakat bertanggungjawab menggubal dasar dan polisi untuk dilaksanakan di peringkat Jabatan seluruh negeri Kedah. Untuk tujuan itu, beberapa Jawatankuasa Kecil ditubuhkan untuk membantu menasihati Jawatankuasa dan membuat penyelidikan serta pertimbangan awal sebelum diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Zakat.

Terdapat enam (6) bahagian utama di ibu pejabat iaitu Bahagian Pentadbiran, Kewangan, Teknologi Maklumat, Korporat, Dakwah & Kutipan, dan Agihan & Pembangunan Asnaf. Cawangan pentadbiran zakat adalah mengikut daerah-daerah dalam negeri Kedah iaitu daerah Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Pendang, Padang Terap, Yan, Bandar Baharu, Sik, Baling dan Pulau Langkawi. Setiap cawangan menjalankan operasi kutipan dan agihan zakat di daerah masing-masing. Sehingga penyelidikan ini disediakan, jumlah kakitangan JZNK ialah seramai 104 orang (Faisal Mustafa, Ketua Bahagian Sumber Manusia JZNK, Temu bual pada 13 Oktober 2013).

3.3.3 Kaedah Pembayaran Zakat (Kemudahan Pembayaran Zakat Yang Disediakan)

Sehingga kini, JZNK telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi umat Islam menunaikan zakat. Kemudahan-kemudahan tersebut ialah bayaran secara tunai atau cek, serta bayaran menggunakan kredit kad kredit/kad debit di semua sebelas kaunter

di setiap daerah dalam negeri Kedah. Disamping itu perkhidmatan agen juga disediakan iaitu di kaunter bank, Pos Malaysia, agen percukaian dan ‘amil yang dilantik, serta khidmat pesanan ringkas (untuk pembayaran zakat fitrah pada bulan Ramadhan sahaja). Ini termasuklah satu kaedah yang dibincangkan dalam kertas penyelidikan ini iaitu kaedah bayaran zakat melalui perbankan internet.

Jadual 3.1 : Gelagat Pembayaran Tunai Melalui Kaunter.

TAHUN	BILANGAN PEMBAYAR (ORANG)	JUMLAH (RM)
2010	16,993	11,857,472.88
2011	17,066	14,060,888.47
2012	19,721	17,161,109.09

Sumber: Sistem Maklumat Zakat (2013)

Kutipan zakat yang meningkat saban tahun menyaksikan pertambahan jumlah dana zakat yang diperolehi, disamping pertambahan pembayar-pembayar zakat yang baharu. Data di atas menunjukkan, meskipun jumlah pembayar zakat sama ada baharu atau lama sudah beralih kepada kemudahan perbankan internet, namun peningkatan pembayar zakat melalui kaunter juga amat ketara.

3.4 Rumusan

Kewujudan JZNK di negeri Kedah adalah bagi meneruskan kelangsungan perjuangan zakat sejak dari zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Perkembangan corak pengurusan zakat adalah semakin kompleks seiring dengan kemajuan dunia pada hari ini. Kesemua ini menuntut penyesuaian metodologi pengurusan yang lebih anjal agar tidak kebelakang dalam memastikan perlaksanaan rukun Islam yang ketiga ini berjalan sebaik mungkin. Perubahan dan ijtihad baru adalah perlu dilaksanakan dan diberi penambahbaikan setiap masa supaya masyarakat tidak melihat zakat hanya dalam ruang lingkup yang begitu sempit, malahan perlu ditonjolkan sebagai satu wadah yang mampu menjadi pemangkin pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

BAB KEEMPAT
PEMBAYARAN ZAKAT SECARA PERBANKAN INTERNET MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM

4.1 Pendahuluan

Bab yang keempat ini akan menjelaskan mengenai pembayaran zakat secara perbankan internet menurut perspektif Islam. Aspek tumpuan ialah memberi penjelasan dari sudut pandangan hukum yang menjadi polemik dalam masyarakat iaitu masalah akad. Disamping itu juga, bab ini akan melihat latar belakang kemajuan teknologi perbankan internet di Malaysia dari mula sejak ia mula diperkenalkan, sehingga kini. Di akhir bab ini, penyelidik akan menjelaskan mengenai reka bentuk teori penyelidikan, serta hipotesis kajian yang dijalankan.

4.2 Perbankan Internet

Perbankan Internet menyediakan suatu kaedah yang cepat dan mudah kepada pembayar zakat untuk menjalankan pelbagai transaksi perbankan, semasa atau di luar waktu operasi perbankan. Buat masa ini, hanya institusi-institusi perbankan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 sahaja yang dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan perbankan Internet di Malaysia. Senarai institusi-institusi perbankan berlesen yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menawarkan

perkhidmatan perbankan Internet boleh diperolehi di laman web Bank Negara Malaysia: www.bnm.gov.my.

Pada tahun 2003, BNM telah menguatkuasakan Akta 627: “Payment Service Act 2003”, yang mula berkuatkuasa bermula 1 November 2003. Akta ini membolehkan BNM meningkatkan kawalan dan memastikan sistem pembayaran terus efisien. Akta ini juga bertujuan untuk memastikan kawalan terhadap sistem pembayaran dipercayai dan diyakini selamat seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna (Sonny Zulhuda, 2012).

Sejarah penggunaan internet secara komersial di Malaysia bermula pada tahun 1990 iaitu apabila Malaysian Institute of Microelectronic System (MIMOS) ditubuhkan. Kemudian, pada tahun 1992, pemasangan satelit antara Malaysia dan US telah membolehkan rakyat Malaysia menggunakan internet secara global (Asia Pacific Network Information Centre, 2004). Satu *payment gateway* telah pun dilancarkan pada 22 Mac 1999 bagi kemudahan urusan niaga melalui internet (Zeti Akhtar Aziz, 2000). Sehingga kini, terdapat tujuh (7) syarikat pembekal perkhidmatan internet di Malaysia, dan pada tahun 2002 dianggarkan jumlah pengguna internet ialah seramai 7.8 juta orang.

Pada 1 Jun 2000, BNM telah memberi kebenaran kepada bank komersial tempatan untuk menawarkan perkhidmatan perbankan internet. Pada 9 Jun 2000, Maybank, bank tempatan terbesar di Malaysia telah melancarkan perkhidmatan perbankan internet yang pertama seumpamanya di Malaysia melalui portalnya iaitu www.maybank2u.com. Perkhidmatan yang ditawarkan dalam portal ini termasuklah

pertanyaan maklumat akaun, pembayaran bil, pembayaran kad kredit, pemindahan wang, dan sejarah transaksi. Langkah ini kemudiannya diikuti oleh Hong Leong Bank pada Disember 2000 (Suganthi *et al.* 2001). Pada tahun 2002, kemudahan ini turut ditawarkan oleh bank-bank luar yang beroperasi di Malaysia.

Pada hari ini, kebanyakan bank-bank di Malaysia sudah menawarkan perkhidmatan perbankan internet untuk kemudahan pelanggan-pelanggan mereka. Kemudahan ini dilihat sebagai keperluan semasa yang mengubah cara gaya hidup dan budaya masyarakat dalam bermuamalat secara harian.

Berikut ialah senarai bank-bank yang beroperasi di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet (http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_regulatees, dicapai pada 15 April 2013).

- i. Affin Bank Berhad
- ii. Agrobank
- iii. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
- iv. Alliance Bank Malaysia Berhad
- v. AmBank (M) Berhad
- vi. AmIslamic Bank Berhad
- vii. Bank Islam Malaysia Berhad
- viii. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
- ix. Bank Muamalat Malaysia Berhad
- x. Bank of America Malaysia Berhad

- xi. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Bhd
- xii. Bank Simpanan Nasional
- xiii. BNP Paribas Malaysia Berhad
- xiv. CIMB Bank Berhad
- xv. Citibank Berhad
- xvi. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
- xvii. Hong Leong Bank Berhad
- xviii. HSBC Amanah Malaysia Berhad
- xix. HSBC Bank Malaysia Berhad
- xx. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
- xxi. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
- xxii. Kuwait Finance House (M) Berhad
- xxiii. Malayan Banking Berhad
- xxiv. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
- xxv. Public Bank Berhad
- xxvi. RHB Bank Berhad
- xxvii. RHB Islamic Bank Berhad
- xxviii. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
- xxix. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
- xxx. The Royal Bank of Scotland Berhad
- xxxi. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Dalam tempoh 13 tahun, dapatlah dilihat pertumbuhan pembekal perkhidmatan perbankan internet amat memberansangkan. Data di atas menunjukkan sejumlah 31 buah bank telah menyediakan perkhidmatan ini kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Jadual 4.1: Jumlah Pendaftaran Penggunaan Perbankan Internet Dan Perbankan Telefon Mudah Alih

Internet Banking and Mobile Banking Subscribers (end of period)

Internet Banking					Mobile Banking			
million	Number of Subscribers			Penetration to population (%)	'000	Number of subscribers	Penetration rate (%)	
	Total	Individual	Corporate				To population	To mobile subscribers
2005	2.6	2.5	0.1	9.8	2005	127.6	0.5	0.7
2006	3.2	3.2	0.0	12.0	2006	246.7	0.9	1.3
2007	4.6	4.5	0.1	16.9	2007	367.6	1.4	1.6
2008	6.2	6.1	0.1	22.5	2008	574.6	2.1	2.1
2009	8.1	8.0	0.2	28.9	2009	675.0	2.4	2.2
2010	9.8	9.6	0.2	34.4	2010	898.5	3.1	2.6
2011	11.9	11.6	0.2	41.0	2011	1,560.3	5.4	4.3
2012	13.7	13.4	0.2	46.6	2012	2,446.2	8.3	6.0
Mar-08	5.0	4.9	0.1	18.0	Mar-08	397.5	1.4	1.6
Jun-08	5.4	5.3	0.1	19.4	Jun-08	423.5	1.5	1.7
Sep-08	5.8	5.7	0.1	21.1	Sep-08	536.2	1.9	2.0
Dec-08	6.2	6.1	0.1	22.5	Dec-08	574.6	2.1	2.1
Mar-09	6.7	6.5	0.1	23.8	Mar-09	627.4	2.2	2.2
Jun-09	7.2	7.0	0.1	25.6	Jun-09	566.1	2.0	2.0
Sep-09	7.5	7.3	0.2	26.7	Sep-09	621.4	2.2	2.1
Dec-09	8.1	8.0	0.2	28.9	Dec-09	675.0	2.4	2.2
Mar-10	8.3	8.1	0.2	29.0	Mar-10	751.2	2.6	2.4
Jun-10	8.9	8.7	0.2	31.1	Jun-10	823.5	2.9	2.6
Sep-10	9.4	9.2	0.2	33.0	Sep-10	834.6	2.9	2.6
Dec-10	9.8	9.6	0.2	34.4	Dec-10	898.5	3.1	2.6
Mar-11	10.2	10.0	0.2	35.3	Mar-11	998.2	3.4	2.9
Jun-11	10.9	10.7	0.2	37.6	Jun-11	1,131.0	3.9	3.2
Sep-11	11.3	11.1	0.2	39.1	Sep-11	1,261.5	4.4	3.5
Dec-11	11.9	11.6	0.2	41.0	Dec-11	1,560.3	5.4	4.3
Mar-12	12.4	12.2	0.2	42.3	Mar-12	1,731.2	5.9	4.7
Jun-12	12.6	12.3	0.2	42.8	Jun-12	1,889.1	6.4	4.8
Sep-12	13.1	12.8	0.3	44.7	Sep-12	2,129.8	7.3	5.3
Dec-12	13.7	13.4	0.2	46.6	Dec-12	2,446.2	8.3	6.0

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2013

Jadual di atas menunjukkan pada tahun 2012, jumlah pengguna aktif yang menggunakan perkhidmatan perbankan internet ialah seramai 13,700,000 orang (46.6% daripada jumlah penduduk malaysia). Ini bermakna sudah hampir separuh daripada rakyat Malaysia mendaftar dan menggunakan perbankan internet. Berkemungkinan baki yang tinggal hanyalah mereka yang masih diperingkat di bawah saraan penjaga, atau masih belum mempunyai kemudahan internet. Jumlah

pengguna aktif perbankan internet ini ialah terdiri daripada individu seramai 13,450,000 orang, dan entiti korporat sebanyak 250,000. Daripada jadual, didapati peningkatan dari tahun ketahun adalah amat memberansangkan (http://www.bnm.gov.my/payment/statistics/pdf/04_internet_banking.pdf, dicapai pada 15 April 2013).

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan dalam ucapannya pada Persidangan dan Pameran Banktech Asia 2013, pada Jun 2013 sahaja, terdapat sejumlah 14.6 juta pelanggan perbankan internet di negara ini. Mereka ini terdiri daripada 14.3 juta individu dan 300,000 pelanggan korporat. Ini merupakan kadar penembusan penduduk negara ini sebanyak 49.1 peratus. (http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Perbankaninternet_mudahalihbakalmeningkat_AhmadMaslan/Article/index_html , dicapai pada 3 Oktober 2013).

Jadual 4.2 : Saluran Pembayaran: Jumlah Transaksi Dan Nilai

Payment Channels: Transaction Volume and Value							
Transaction Volume	2008	2009	2010	2011	2012	2011	2012
	Million					% Annual change	
Internet banking ¹	84.9	110.2	150.5	194.7	226.5	29.4	16.3
<i>Individual</i>	57.0	79.7	104.7	141.3	161.7	35.0	14.5
<i>Corporate</i>	27.9	30.6	45.8	53.4	64.8	16.6	21.3
Mobile banking ¹	0.3	0.6	0.7	2.2	7.1	200.5	231.8
ATM ²	21.5	24.7	38.8	42.1	46.4	8.4	10.3
Transaction Value	RM million						
Internet banking	624,362	702,045	1,089,063	1,550,618	2,847,809	42.4	83.7
<i>Individual</i>	52,951	87,680	115,575	153,648	171,825	32.9	11.8
<i>Corporate</i>	571,412	614,365	973,487	1,396,970	2,675,984	43.5	91.6
Mobile banking	72	141	138	852	4,237	518.1	397.2
ATM ²	19,190	19,774	31,286	37,283	40,950	19.2	9.8

¹ Exclude non-financial transactions
² Refer to payment transactions via ATM, including own and third party funds transfer. Exclude cash withdrawals
Note: Numbers may not necessarily add up due to rounding

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2013

Jadual 4.2 menunjukkan bagi jumlah transaksi perbankan internet pada tahun 2012, sebanyak 226.5 juta transaksi telah dilakukan iaitu transaksi oleh individu berjumlah 161.7 juta, dan korporat berjumlah 64.8 juta. Secara keseluruhan jumlah transaksi pada tahun 2011 meningkat sebanyak 29.4% berbanding tahun sebelumnya, dan 16.3% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya.

Tidak seperti mana peningkatan jumlah pengguna berdaftar dan jumlah transaksi, nilai transaksi menunjukkan peningkatan yang begitu mendadak iaitu pada kadar 42.4% pada tahun 2011 dengan nilai transaksi berjumlah RM1,550,618,000,000, dan meningkat kepada 83.7% pada tahun 2012 dengan nilai transaksi berjumlah hampir 3 trillion iaitu RM2,847,809,000,000. Jumlah ini meningkat hampir satu kali ganda berbanding tahun sebelumnya (<http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2012/cp05.pdf>, dicapai pada 10 April 2013).

John P. & Jackie L. (2001) menjelaskan sejak *e-commerce* diperkenalkan, terdapat peningkatan ketara terhadap penggunaan internet di Malaysia. Namun pada masa ini, oleh kerana tahap celik teknologi maklumat di Malaysia masih rendah, kos peralatan komputer dan talian internet, isu keselamatan, dan kesedaran masih ditahap yang rendah, maka memberi kesan terhadap *e-commerce* di Malaysia.

Perbankan internet merekodkan pertumbuhan yang amat memberansangkan sepanjang tahun. Menurut Abu Hassan Alshari Yahaya, Penolong Gabenor BNM, pada dekad yang lalu penggunaan transaksi elektronik telah meningkat secara purata tahunan sebanyak 23.4%. Pada tahun 2012, individu dan perniagaan telah melaksanakan lebih 300 juta transaksi kewangan secara elektronik, dimana jumlahnya

ialah RM15 trillion. Jumlah ini adalah meliputi kebanyakannya urusan pemindahan wang, pembayaran bil, tambah nilai kad telefon prabayar, dan pembayaran pelaburan dalam pasaran modal. Dalam transaksi elektronik ini, perbankan internet didapati medium yang paling popular digunakan. Dua faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah kaedah pembayaran gaji secara bayaran terus kepada akaun pekerja di bank-bank tertentu, dan peningkatan caruman kepada pihak berkuasa (http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_speech&pg=en_speech_all&ac=459, dicapai pada 13 April 2013).

Pada tahun 2012, Malaysia mempunyai lebih kurang 17.5 juta pengguna internet (Cyber Security Malaysia, 2012), iaitu melebihi dua kali ganda populasi penduduk Sabah dan Sarawak. Jumlah ini adalah 61% daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Peningkatan ini selaras dengan pembangunan pelbagai kemunculan fenomena media sosial baharu yang menyebabkan ramai golongan muda semakin celik teknologi maklumat, dan kos teknologi yang semakin mampu dimiliki oleh pelbagai golongan. Kemudahan akses internet juga didapati tidak terhad hanya kepada komputer sahaja, malah turut boleh dilayari dimana sahaja melalui telefon bimbit, *tablet* dan sebagainya.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menjalankan satu penyelidikan pada tahun 2011 mengenai gelagat penggunaan internet di Malaysia. Penyelidikan yang dijalankan di seluruh Malaysia terhadap 6,144 responden ini mendapati 40.9% daripada rakyat Malaysia menggunakan internet bagi tujuan perbankan internet. Manakala sebanyak 24.5% menggunakan internet untuk pembelian secara atas talian. Bagi penyelidikan yang dijalankan di negeri Kedah,

didapati 36.5% daripada responden yang ditemui menggunakan internet untuk perbankan internet (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2011). Jumlah ini terus meningkat dari tahun ketahun dan dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa seiring dengan kemajuan teknologi maklumat yang semakin berkembang pesat, sistem kewangan zakat juga memerlukan satu anjakan baru dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pembayaran secara perbankan internet kepada masyarakat.

Jadual 4.3: Kutipan Zakat Selama 6 Tahun Melalui Kaedah Perbankan Internet.

TAHUN	KUTIPAN (RM)	BIL. PEMBAYAR
2007	196,662.04	837
2008	428,879.09	1,705
2009	715,270.18	2,611
2010	1,020,446.03	3,429
2011	1,339,386.90	4,565
2012	1,979,516.46	6,135

Sumber: Sistem Maklumat Zakat (2013)

Jadual 4.3 menunjukkan rekod kutipan paling tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan ini ditawarkan ialah pada tahun 2012. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kemudahan ini semakin meningkat. Namun, jika dilihat pada jadual 2.1,


jumlah pembayar menerusi kaunter turut meningkat selaras dengan peningkatan kutipan zakat.

Satu tanda aras yang mungkin boleh digunakan untuk menunjukkan bahawa kempen dan kesedaran masyarakat telah meningkat terhadap kaedah ini ialah apabila berlaku peningkatan statistik pembayaran zakat melalui kaedah perbankan internet ini maka, pada masa yang sama berlakunya penurunan jumlah pembayaran zakat menerusi kaunter. Namun situasi ini tidak berlaku di JZNK. Oleh itu, agak sukar untuk menentukan kaedah ini dengan tepat kerana bilangan pembayar zakat baharu semakin bertambah saban tahun dan prospek baharu pembayar zakat sentiasa meningkat.

Tidak seperti mana situasi yang dilihat berlaku di bank-bank dimana apabila sistem mesin deposit cek, atau tunai serta perbankan internet diperkenalkan, didapati urusan kaunter bank pada masa yang sama didapati semakin turut berkurangan, malah ada kaunter yang ditutup atau operasinya dikecilkan. Ini secara tidak langsung menjimatkan kos operasi institusi tersebut.

Dalam penyelidikan yang dijalankan oleh Rohaya Shaari., & Hafizi Muhamad Ali (2005), dan Stijn *et al.* (2000), membuktikan bahawa penggunaan perbankan internet oleh pelanggan-pelanggan institusi perbankan menunjukkan penjimatan yang amat ketara dalam mengurangkan kos operasi institusi perbankan, berbanding dengan kaedah transaksi yang lain sama ada melalui mesin juruwang automatik (ATM), telefon, mahupun kaunter bank.

Jadual 4.4: Perbankan Internet Mengurangkan Kos Transaksi



Sumber: Goldman Sachs and Boston Consulting Group, dalam Stijn *et al.* (2000).

Merujuk kepada jadual 4.4 di atas, adalah diangarkan secara purata kos transaksi melalui internet hanyalah USD0.01 berbanding USD0.27 bagi transaksi yang dilakukan di mesin juruwang automatik (ATM). Kos perbankan melalui telefon pula berada pada kadar USD0.55 bagi setiap transaksi, dan operasi transaksi di kaunter bank pula mencatatkan kos sebanyak USD1.07 bagi setiap transaksi. Jelas menunjukkan jurang perbezaan penjimatan kos operasi institusi perbankan yang amat ketara sehingga 1% antara transaksi melalui kaunter, berbanding transaksi yang dilaksanakan secara perbankan internet.

Sehingga kini, petanda situasi yang sama akan berlaku di kaunter zakat negeri Kedah masih samar dan sukar untuk diramal akan berlaku. Barangkali, hipotesis dan penemuan penyelidikan ini akan membantu memberi pencerahan terhadap beberapa kekeliruan dan mampu menukar arah pembayaran kepada yang lebih memudahkan kedua-belah pihak.

4.3 Senarai Bank-Bank Yang dilantik Sebagai Agen Transaksi Zakat

Sehingga penyelidikan ini dijalankan, JZNK telah melantik Bank Islam, Maybank, RHB Bank, Public Bank, AmBank, CIMB Bank, EON Bank, Bank Rakyat, dan Standard Chartered Bank sebagai agen kutipan zakat melalui kemudahan perbankan internet.

4.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Perbankan Internet

Terdapat banyak penyelidikan yang telah membincangkan mengenai persepsi pengguna terhadap *e-commerce*. Kebanyakannya membincangkan isu yang sama iaitu isu kepercayaan, keselamatan, kredibiliti atau reputasi penyedia atau pembekal perkhidmatan, kegunaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kesemua ini memberi kesan terhadap persepsi pengguna yang secara langsung mendorong mereka sama ada untuk menggunakan perkhidmatan tersebut atau sebaliknya.

Mohd Saiyidi Mokhtar Mat Roni (2007), menjelaskan bahawa kepercayaan merupakan perkara pokok yang mencetuskan kepada pembayaran zakat secara perbankan internet ini. Hubungan ini dibina melalui persepsi terhadap kepercayaan terhadap agensi zakat, selanjutnya membawa kepada sikap/tindakan terhadap agensi zakat berkenaan. Akhirnya, berlakulah keinginan untuk menunaikan zakat secara persekitaran elektronik ini.

Pelanggan tidak mempercayai teknologi transaksi melalui internet berdasarkan beberapa faktor iaitu keselamatan sistem, tidak mempercayai pembekal perkhidmatan, dan bimbang risiko lain yang mungkin berlaku semasa transaksi (Ahasanul Haquel *et al.* 2009).

Isu-isu yang sama turut dimuatkan dalam penyelidikan mengenai isu berkaitan oleh Fatemeh Meskaran & Zuraini Ismail (2012), Hamed Armesh *et al.* (2012), Ramayah & Muhamad Jantan (2004), Noor R. Ab Hamid (2008), Lee *et al.* (2006), Lu H & Yongsheng (2009), Akram Jalal *et al.* (2011), dan D. Harrison *et al.* (2002).

Menyentuh berkenaan hukum pembayaran zakat secara perbankan internet, transaksi ini adalah menyamai transaksi muamalat dalam Islam iaitu hukum-hukum berkaitan jual-beli menerusi internet. Terdapat banyak perbincangan mengenai perkara ini dalam penyelidikan-penyelidikan ilmiah yang lalu.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2008), dalam penyelidikannya mengenai aplikasi sains dan teknologi yang digunakan dalam transaksi kewangan Islam serta sejauh manakah transaksi ini diterima dalam fiqh muamalat, menjelaskan bagaimana kontrak-kontrak

berkaitan transaksi tersebut, dan bagaimanakah perkaitan antara kontrak-kontrak tersebut dengan pembangunan sains dan teknologi pada hari ini.

Manakala Azlin Alisa Ahmad *et al.* (2008), mempertikaikan status perniagaan internet sama ada kaedah ini membawa *maslahah* (kebaikan) atau *mafsadah* (keburukan). Urusniaga dan transaksi perniagaan secara internet ini tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah secara jelas. Oleh itu perlu penelitian dan penyelidikan yang mendalam terhadap perkara ini agar membawa kebaikan kepada masyarakat.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Nor Adila Mohd Noor, dan Nor Azlina Mohd Noor (2008), telah membahaskan teori kontrak transaksi antara kewangan Islam dan konvensional. Perbincangan tertumpu kepada kontrak jual beli dalam transaksi e-dagang, berbanding dengan kehendak sebenar transaksi kontrak kewangan Islam. Perincian terhadap ciri-ciri kontrak Islam dibahaskan iaitu berkaitan dengan transaksi secara atas talian.

Muhammad Rizal Razman (2001) pula membahaskan mengenai transaksi jual beli melalui internet dari perspektif Islam. Beliau mengaitkan hukum dan syarat-syarat jual yang asal, dan selanjutnya mengaitkannya dengan transaksi secara internet. Hasil penyelidikan menunjukkan transaksi melalui internet ini memenuhi syarat transaksi jual beli dalam Islam. Oleh itu, beliau membuat kesimpulan bahawa adalah sah dan harus bagi umat Islam menggunakan perkembangan teknologi ini dalam kehidupan seharian mereka.

4.5 Akad Dalam Muamalat

Menurut Abdul Muhaimin Mahmood (2011), akad dari sudut penggunaan bahasa arab mempunyai makna yang pelbagai antaranya, janji, jaminan, kepercayaan dan ikatan (sama ada ikatan sebenar seperti mengikat tali atau ikatan simbolik seperti ikatan *ijab* dan *qabul* dalam akad jual-beli). Manakala Kamus Dewan pula memberikan pengertian akad sebagai janji dan perjanjian. Perkataan akad merupakan perkataan yang sinonim dengan perkataan kontrak. (<http://www.islam.gov.my/muamalat/artikel/konsep-akad-dan-jenisnya-dalam-muamalat-islam>, dicapai pada 10 Oktober 2013).

Akad dari istilah fiqh ialah ikatan diantara *ijab* dan *qabul* yang dibuat mengikut cara yang disyariatkan yang sabit kesannya pada barang berkenaan. Dengan perkataan lain akad melibatkan pergantungan cakapan salah satu pihak yang berakad dengan cakapan pihak yang satu lagi, mengikut ketentuan syarak yang akan melahirkan kesan pada barang yang diakadkan (Wahbah al-Zuhaily, 2002). Dari aspek undang-undang pula, kontrak didefinisikan sebagai satu perjanjian jika dibuat atas kerelaan yang bebas antara pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah (Akta Kontrak 1950, seksyen 10 (1)).

Setiap kontrak dalam transaksi yang dijalankan pastinya mempunyai terma-terma khusus mengikut keperluan masing-masing yang menjadikannya sah dari sudut hukum dan undang-undang. Dalam Islam, terdapat 3 perkara utama yang perlu dalam urusan kontrak jual-beli iaitu penjual dan pembeli, barang, dan *sighah* atau lafaz kontrak.

4.6 Pembayaran Zakat Secara Perbankan Internet Menurut Perspektif Islam

Persoalan ini paling kerap ditimbulkan semasa sesi soal-selidik dijalankan. Seperti mana yang telah dijelaskan dalam bab pertama sebelum ini, situasi ini berlaku adalah ekoran kaedah sedia ada yang telah menjadi tradisi sejak sekian lama, lalu dianggap sebagai syarat sah dalam pembayaran zakat.

Dalam isu yang dibincangkan ini, pembayar zakat dan penerima zakat sudah jelas. Barang ialah harta zakat yang akan dipindahkan daripada pembayar zakat kepada penerima zakat/wakil. Tinggal lagi rukun yang ketiga itu iaitu *sighah* atau lafaz kontrak.

Perlu difahami bahawa dalam dalam kaedah pembayaran secara perbankan internet, tiga pihak terlibat dalam transaksi ini iaitu pihak pembayar zakat, bank dan JZNK sebagai penerima. Dalam situasi ini, *sighah* dan lafaz kontrak itu boleh diertikan dengan maklumat yang disediakan oleh bank kepada pengguna. Pengguna disyaratkan perlu membaca kesemua terma-terma yang terkandung dalam syarat-syarat tersebut dan bersetuju sebelum meneruskan langkah transaksi yang seterusnya. Semasa melakukan transaksi pula, pengguna memilih sendiri item-item yang diinginkan untuk melaksanakan transaksi dengan penuh yakin, faham dan sedar. Kesemua tindakan-tindakan komunikasi maya antara pihak pengguna dan bank ini bolehlah diambilkira sebagai *sighah* atau lafaz kontrak antara kedua belah pihak.

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang

salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(Terjemahan surah al-Nisa 4:29)

Ayat ini menjelaskan urusan muamalat antara kedua belah pihak itu adalah sah dan diterima sekiranya kedua belah pihak saling yakin meyakini, percaya mempercayai antara satu sama lain. Dalam konteks ini, bolehlah diterjemahkan maksud ayat ini bahawa pihak pembayar zakat semasa melakukan pembayaran zakat secara internet yakin dengan sepenuh hati bahawa sistem yang digunakan selamat, wangnya daripada akaun di bank tersebut akan dipindahkan ke akaun JZNK dengan selamat.

Bagi pihak JZNK dan bank pula, kedua pihak ini telah melaksanakan perjanjian khas untuk bersama-sama bergabung untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan ini kepada pelanggan masing-masing. Pihak bank yang bertindak sebagai perantara antara pembayar zakat dan JZNK, menyediakan perkhidmatan perbankan internet dengan sistem keselamatan yang tinggi untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Sistem ini penting untuk memastikan semasa proses transaksi ini berlaku, maklumat tersebut tidak dapat diintip atau dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sehingga kini, penyelidik masih belum menemui laporan berita yang memaparkan bahawa transaksi perbankan internet untuk sebarang urusan telah diceroboh. Laporan yang sering kedengaran ialah pengguna diperdaya oleh pihak pencuri maklumat untuk mendapatkan kata laluan dengan pelbagai bentuk tipu helah yang licik. Oleh itu, pihak JZNK dengan penuh yakin bahawa wang pembayar zakat yang dibayar menerusi perkhidmatan ini selamat dipindahkan ke akaun JZNK.

Perkara berkaitan transaksi seumpama ini iaitu e-dagang, pernah dibincangkan oleh Kesatuan Fiqh Islam dalam persidangannya yang keenam yang di adakan di Jeddah pada 17-23 Sya'aban 1420H, bersamaan 14-20 Mac 1990. Dalam persidangan ini, mereka memutuskan apabila sesuatu kontrak antara dua pihak yang tidak berada pada tempat yang sama, tidak dapat melihat dan mendengar antara satu sama lain, apa yang menjadi perantara sesama mereka ialah dokumen, surat atau wakil utusan, termasuk telegram, faks, atau komputer, oleh itu dalam situasi ini, kontrak yang dilakukan antara keduanya bolehlah dianggap sempurna apabila keduanya apabila kedua pihak saling bersetuju dan bersepakat dengan tawaran masing-masing (<http://islamtoday.net/bohooth/artshow-32-4720.htm>, dicapai pada 10 Oktober 2013).

Perkara ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor, dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa hukum pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2U (internet) adalah harus (<http://www.muftiselangor.gov.my/ms/fatwa-tahunan/pewartaan/2000-2004/137-fatwa-tentang-pembayaran-zakat-melalui-perkhidmatan-maybank-2u>, dicapai pada 8 Disember 2013).

Hari ini, kita dapat lihat pelbagai urusan jual-beli dilakukan secara atas talian. Barang yang dipesan dihantar terus ke pintu rumah selepas bayaran disempurnakan. Tiada lagi akad jual beli secara bersemuka antara kedua pihak. Pembeli dan penjual pun kadang-kadang tidak mengenali antara satu sama lain. Ada pula yang kedua pihak atau salah satunya diwakili oleh perantara seperti peguam dan sebagainya. Seperti

mana konsep pembayaran zakat yang dijelaskan di atas, muamalat cara ini juga adalah sah.

Kemajuan bidang sains dan teknologi pada masa kini secara tidak langsung mengubah cara hidup manusia, dalam kehidupan seharian, bekerja, berkomunikasi, sehinggalah kepada transaksi kewangan. Keadaan ini semakin menyerlah apabila berlakunya perkembangan teknologi maklumat pada beberapa dekad kebelakangan ini. Perkembangan pesat aplikasi teknologi maklumat dalam dunia kini membawa kepada penggunaannya dalam hal-hal yang melibatkan transaksi kewangan atau apa yang dipanggil e-dagang, sehinggalah kepada urusan ibadat rukun dalam Islam iaitu zakat.

Bayaran zakat secara perbankan internet boleh dibayar 24 jam, 7 hari seminggu. Maknanya, pembayaran zakat kini tidak terhad pada waktu pejabat dan pada hari kerja sahaja. Sebaliknya, zakat boleh ditunaikan pada luar waktu pejabat sama ada pada waktu malam, ataupun pada hari cuti. Kaedah ini merentasi sempadan masa yang biasa, dan merentasi sempadan negeri Kedah mahupun negara Malaysia. JZNK menyediakan kemudahan ini kepada pembayar-pembayar zakat semenjak tahun 2005 lagi. Bagi tujuan itu, JZNK telah melantik bank-bank sebagai agen penyedia perkhidmatan.

Berbanding dengan masa dahulu, kaedah ini memberi kemudahan kepada pembayar zakat membuat bayaran pada bila-bila masa sahaja mengikut kelapangan mereka, walau di mana jua mereka berada, asalkan mempunyai talian internet dan komputer. Pembayar zakat tidak perlu lagi bersesak-sesak menunggu giliran di kaunter terutamanya pada waktu puncak pada minggu akhir bulan Ramadhan, dan minggu


akhir bulan Disember. Begitu juga tidak perlu mengambil cuti untuk ke kaunter bayaran zakat, bersesak di jalan raya, berpusing mencari tempat letak kereta, mengambil risiko membawa wang tunai yang banyak ke kaunter dan sebagainya. Kaedah ini menjimatkan masa, kos, dan terjamin selamat.

Pembayar zakat juga tidak dikenakan sebarang caj perkhidmatan. Sebagai contoh, sekiranya bayaran zakatnya ialah RM100.00, maka jumlah yang sama akan dipotong daripada akaun beliau di bank lalu dipindahkan ke akaun JZNK. Sebaliknya, caj perkhidmatan tersebut akan ditanggung oleh JZNK. Pihak bank hanya mengenakan caj perkhidmatan yang minima kepada JZNK selaku pelanggan perkhidmatan korporat berdasarkan nilai transaksi. Selepas proses bayaran disempurnakan, pihak bank akan menghantar data bayaran berserta maklumat pembayar zakat kepada JZNK pada keesokan harinya. Resit akan dihantar oleh JZNK dalam tempoh seminggu kepada alamat pembayar zakat berdasarkan alamat yang didaftarkan bersama akaun bank. Dari tahun ke tahun, didapati trend pembayaran menggunakan kaedah ini semakin meningkat. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kemudahan ini semakin baik.

Rumusannya, tidaklah menjadi syarat sah zakat bagi sesiapa yang mengeluarkan zakat tanpa melakukan lafaz *ijab* dan *qabul*. Perkara paling mustahak yang ditekankan oleh jumhur ulama', ialah *qasad* atau niat menunaikan zakat kerana niat dianggap sebagai syarat sah didalam ibadat zakat seperti mana ibadat-ibadat yang lain.

4.7 Reka Bentuk Teori

Rajah 4.1: Kerangka Kerja Konseptual



4.8 Hipotesis Penyelidikan

Berdasarkan kepada model reka bentuk teori di atas, maka penyelidik telah membuat hipotesis penyelidikan seperti berikut:

Hipotesis 1: Persepsi Terhadap Kemudahan

- H01 Tiada hubungan signifikan antara faktor kemudahan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H11 Wujud hubungan signifikan antara faktor kemudahan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

Hipotesis 2: Persepsi Terhadap Kegunaan

- H02 Tiada hubungan signifikan antara faktor kegunaan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H12 Wujud hubungan signifikan antara faktor kegunaan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

Hipotesis 3: Persepsi Terhadap Tingkah Laku

- H03 Tiada hubungan signifikan antara faktor tingkah laku dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H13 Wujud hubungan signifikan antara faktor tingkah laku dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

Hipotesis 4 : Persepsi Terhadap Keyakinan

- H04 Tiada hubungan signifikan antara faktor keyakinan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H14 Wujud hubungan signifikan antara faktor keyakinan dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

Hipotesis 5: Persepsi Terhadap Hukum

- H05 Tiada hubungan yang signifikan antara faktor hukum dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H15 Wujud hubungan yang signifikan antara faktor hukum dan faktor pengetahuan/penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

4.9 Rumusan

Teknologi maklumat berkembang dengan begitu pesat. Dalam tempoh yang singkat, pelbagai inovasi dan penemuan baru dihasilkan untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan harian manusia. Hari ini kita dapat lihat manusia amat bergantung kepada teknologi maklumat dalam pelbagai urusan harian. Disamping urusan yang umum itu, kemajuan teknologi ini turut memudahkan umat Islam menunaikan ibadah zakat. Kaedah ini bukan semata-mata digunakan kerana wujudnya kemudahan perbankan internet, malah lebih daripada itu. Kaedah ini juga sebenarnya tidak menyalahi hukum syarak. Ini menunjukkan bahawa syariat Islam itu anjal dan sesuai diamalkan sepanjang zaman.

BAB KELIMA

METODOLOGI KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan rangka kerja penyelidikan, bentuk penyelidikan, populasi dan persampelan, pengumpulan data dan analisis data. Kaedah penyelidikan yang dijalankan akan dijelaskan secara terperinci dalam bab ini. Tujuan bentuk penyelidikan ini adalah bagi menyediakan gambaran secara jelas dan huraian lengkap langkah-langkah spesifik yang diambil dalam penyelidikan ini. Lima hipotesis telah ditetapkan berdasarkan sorotan literasi dalam bab keempat.

5.2 Reka Bentuk Kajian

5.2.1 Jenis Pengkajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, iaitu data primer diperolehi melalui borang soalan kaji selidik. Manakala data sekunder diperolehi melalui buku, jurnal, Sistem Maklumat Zakat, laporan-laporan JZNK, laporan BNM dan sumber-sumber lain.

5.2.2 Jenis Kajian

Penyelidik menggunakan peralatan deskriptif yang mana kajian ini melibatkan pengumpulan data dalam usaha untuk menguji hipotesis atau jawapan persoalan yang berkaitan dengan subjek-subjek kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data dalam bentuk empirikal. Melalui pendekatan ini, pengumpulan data-data kajian adalah melalui soalan kaji-selidik, temu ramah atau melalui pemerhatian.

5.3 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bulan Mei sehingga September 2013. Penyelidik perlu memilih responden tertentu sahaja iaitu responden yang mempunyai pengetahuan tentang teknologi maklumat. Penyelidik bersama-sama dengan pembantu penyelidik telah mengedarkan borang dan mendapatkan respon secara terus daripada responden. Seramai 400 orang responden telah berjaya ditemui dalam kajian ini. Taburan responden adalah daripada kawasan bandar dan luar bandar dalam negeri Kedah.

5.4 Pengumpulan Data

5.4.1 Pendekatan Pengumpulan Data

Data primer adalah data yang dikumpulkan melalui sumber yang asal, biasanya terus daripada sasaran populasi. Untuk tujuan kajian ini, data primer dikumpulkan melalui pengedaran borang soal selidik secara terus kepada responden. Sumber data sekunder adalah data yang dikumpulkan selain daripada sumber data primer. Untuk kajian ini, sumber data sekunder telah dihuraikan secara terperinci dalam sorotan literasi bab kedua. Sorotan literasi tersebut adalah hasil data yang diperolehi daripada buku, jurnal, Sistem Maklumat Zakat, laporan-laporan JZNK, laporan BNM dan lain-lain.

5.4.2 Jenis-Jenis Data

Kedua-dua jenis data primer dan sekunder telah digunakan dalam kajian ini. Data primer akan dibentangkan dalam bab keempat, manakala data sekunder dibentangkan dalam bab kedua.

5.5 Reka Bentuk Persampelan

5.5.1 Populasi

Menurut data terkini yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negara Malaysia bagi tahun 2010, penduduk negeri Kedah warganegara Malaysia ialah seramai 1,880,783 orang. Daripada jumlah itu, seramai 1,460,746 orang penduduk terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam iaitu 78% daripada keseluruhan penduduk. Daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Kedah yang berbangsa Melayu yang beragama Islam itu tadi pula, seramai 713,579 adalah berumur dalam lingkungan 20 sehingga 60 tahun (http://www.statistics.gov.my/portal/download_Population/files/census2010/Taburan_Penduduk_dan_Ciri-ciri_Asas_Demografi.pdf, dicapai pada 22 Oktober 2013). Umur ini adalah umur lingkungan responden yang terlibat dalam soal selidik yang dijalankan. Oleh itu, jumlah populasi bagi penyelidikan ini ialah seramai 713,579 orang.

5.5.2 Prosedur Pemilihan Sampel

Penyelidik menggunakan pendekatan menemui responden secara langsung bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Kaedah ini dapat mengelakkan soalan yang dihantar tidak dibalas kembali sekiranya menggunakan persampelan

melalui pos secara rawak. Disamping itu, penyelidik dapat mendengar pandangan lanjut daripada responden mengenai isu-isu yang dibangkitkan mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan ini.

5.5.3 Saiz Sampel

Penyelidik memutuskan untuk mengikuti kebiasaan peraturan bagi menentukan saiz sampel. Menurut Krejcie & Morgan (1970), bagi saiz populasi yang berjumlah 75,000 hingga 1,000,000, saiz sampel yang diperlukan ialah sebanyak 384 sampel. Oleh itu, dalam kajian ini, memandangkan populasi yang besar, penyelidik telah mengambil saiz sampel seramai 400 orang bagi menggambarkan dan mewakili persepsi seluruh populasi. Daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh (7) borang soal-selidik telah rosak menjadikan jumlah keseluruhan sampel yang boleh diuji ialah sebanyak 393 sahaja.

5.6 Instrumen Kajian

Soalan kaji selidik telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan sorotan literasi yang telah dibuat dalam bab kedua. Borang kaji selidik tersebut mempunyai 21 soalan yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pekerjaan, pendapatan bulanan, kemudahan internet, dan kekerapan mereka melakukan transaksi perbankan internet.

Bahagian B pula mengandungi soalan yang berkaitan pengetahuan mereka tentang wujudnya kemudahan pembayaran menerusi internet, pengalaman melaksanakan kaedah pembayaran zakat menggunakan kaedah ini, dan sebab sama ada mereka pernah atau sebaliknya menggunakan perkhidmatan ini.

Bahagian C pula mengandungi soalan berbentuk skala likert iaitu bertujuan untuk mengukur persepsi responden terhadap pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu mengenai kemudahan pembayaran zakat, kegunaan, tingkah laku, dan kepercayaan.

Skala pengukuran yang digunakan dalam soalan kaji selidik ini terdiri daripada skala nominal (soalan dalam Bahagian A dan C), dan skala likert (dalam Bahagian B).

5.7 Ujian Rintis (*Pilot Test*)

Penyelidik memilih 30 orang responden untuk menjalankan ujian rintis. Untuk menguji kebolehpercayaan (*reliability*), *Cronbach's alpha* telah digunakan.

Jadual 5.1 Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.604	15

Jadual 5.1 di atas menunjukkan nilai keseluruhan *Cronbach's alpha* bagi instrumen yang telah digunakan dalam ujian rintis ialah 0.604. Nilai ini diterima dan boleh dikatakan *reliable* bagi ujian rintis ini iaitu hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan (Sekaran, 2003).

5.8 Jenis Analisis

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan semua analisis bagi profail demografi, statistik deskriptif, frekuensi dan juga korelasi bagi analisis kajian.

5.8.1 Analisis Statistik

i. Profail Demografi

Profail demografi pada asasnya adalah tentang kumpulan-kumpulan bagi kegunaan seseorang untuk meneroka secara terperinci tentang latar belakang responden. Penyelidik mengkaji tentang jantina, umur, kelayakan akademik, pendapatan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, kemudahan internet, dan kekerapan melakukan transaksi melalui perbankan internet.

ii. Statistik Deskriptif

Dalam statistik deskriptif, kajian menggunakan min dan sisihan piawaian pembolehubah bebas. Nilai tersebut digunakan untuk memahami dan melihat

serakan sisihan piawai terhadap nilai min yang diperolehi terhadap setiap pembolehubah bebas tersebut.

ii. Analisis Korelasi

Dalam analisis ini, hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah-pembolehubah bebas akan dilihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara keduanya atau sebaliknya.

5.9 Peralatan Analisis

Dalam kajian ini, perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0 telah digunakan oleh penyelidik dalam usaha untuk membangunkan data daripada keputusan bagi soalan kaji selidik dan analisis.

5.10 Rumusan

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah berbentuk tinjauan persepsi dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Oleh itu bab kelima ini telah membincangkan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, pengumpulan data, instrumen kajian, ujian statistik serta analisis. Tugasan di bahagian ini sangat penting kerana ianya akan digunakan untuk melengkapkan bahagian yang

seterusnya dalam bab keenam. Perbincangan dalam bab yang keenam nanti akan menerangkan tentang dapatan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

BAB KEENAM

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

6.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penyelidik mengemukakan analisis data yang telah dihasilkan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0. Hasil kajian yang dilaporkan menggunakan ujian-ujian statistik iaitu analisis kekerapan, kebolehpercayaan (*reliability*), deskriptif, dan juga korelasi. Keputusan yang didapati telah menjawab hipotesis-hipotesis kajian yang telah dibentuk.

6.2 Ringkasan Analisis Data

6.2.1 Profail Demografi

Jadual 6.1 : Jantina

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
LELAKI	279	71.0	71.0	71.0
Valid PEREMPUAN	114	29.0	29.0	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.1 menunjukkan taburan demografi responden dari segi jantina. Keputusan analisis menunjukkan daripada jumlah keseluruhan 393 orang responden, 279 (71%) adalah lelaki, manakala 114 orang (29%) adalah perempuan.

Jadual 6.2 : Umur

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
20-30 TAHUN	142	36.1	36.1	36.1
31-40 TAHUN	131	33.3	33.3	69.5
Valid 41-50 TAHUN	76	19.3	19.3	88.8
51-60 TAHUN	44	11.2	11.2	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Keputusan analisis terhadap umur responden ditunjukkan dalam Jadual 6.2 Taburan dibahagikan mengikut 4 peringkat umur. Berdasarkan analisis data yang diperolehi, seramai 142 orang (36.1%) responden berumur dalam lingkungan 20-30 tahun, 131 orang (33.3%) responden berumur dalam lingkungan 31-40 tahun, 76 orang (19.3%) responden berada dalam lingkungan 41-50 tahun dan selebihnya 44 orang (11.2%) responden berumur 51-60 tahun.

Jadual 6.3 : Pendidikan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
SPM/SIJIL/STP	200	50.9	50.9	50.9
DIPLOMA	107	27.2	27.2	78.1
Valid IJAZAH	85	21.6	21.6	99.7
SARJANA/PHD	1	.3	.3	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Seramai 200 orang (50.9%) responden berkelulusan SPM/Sijil/STP, 107 orang (27.2%) responden berkelulusan Diploma, 85 orang (21.6%) responden berkelulusan Ijazah, dan selebihnya seramai 1 orang (0.3%) responden berkelulusan Sarjana/PhD.

Jadual 6.4 : Pekerjaan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
KERAJAAN	109	27.7	27.7	27.7
SWASTA	150	38.2	38.2	65.9
Valid KERJA SENDIRI	120	30.5	30.5	96.4
TIDAK BEKERJA	14	3.6	3.6	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.4 menunjukkan taburan latar-belakang pekerjaan responden yang telah ditemui semasa soal-selidik ini dijalankan. Seramai 109 orang (27.7%) responden berkerja dalam perkhidmatan kerajaan, 150 orang (38.2%) berkhidmat dalam sektor swasta, 120 orang (30.5%) responden bekerja sendiri, dan selebihnya seramai 14 orang (3.6%) responden tidak bekerja.

Jadual 6.5 : Pendapatan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
1000 KE BAWAH	129	32.8	33.8	33.8
1001-2500	153	38.9	40.1	73.8
Valid 2501-4000	73	18.6	19.1	92.9
4001 KE ATAS	27	6.9	7.1	100.0
Total	382	97.2	100.0	
Missing System	11	2.8		
Total	393	100.0		

Jadual 6.5 menunjukkan taburan jumlah responden mengikut pendapatan bulanan. Seramai 129 orang (32.8%) responden berpendapatan RM1,000.00 dan ke bawah, seramai 153 orang (38.9%) responden berpendapatan RM1,001 sehingga

RM2,500.00, seramai 73 orang (18.6%) responden berpendapatan RM2,501.00 sehingga RM4,000.00, manakala selebihnya seramai 27 orang (6.9%) responden berpendapatan RM4,000.00 dan ke atas.

Jadual 6.6 : Kemudahan Internet

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
TIADA	103	26.2	26.2	26.2
RUMAH	106	27.0	27.0	53.2
Valid TEMPAT KERJA	99	25.2	25.2	78.4
RUMAH & TEMPAT KERJA	85	21.6	21.6	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.6 menunjukkan taburan responden mengikut kemudahan internet. Seramai 103 orang (26.2%) responden tidak mempunyai kemudahan internet sama ada di rumah atau tempat kerja, seramai 106 orang (27%) responden mempunyai kemudahan internet di rumah, seramai 99 orang (25.2%) responden mempunyai kemudahan internet di tempat kerja, dan selebihnya seramai 85 orang (21.6%) orang mempunyai kemudahan internet di rumah dan tempat kerja.

Jadual 6.7 : Kekerapan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
TIDAK PERNAH	115	29.3	29.3	29.3
KADANG-KADANG	175	44.5	44.5	73.8
Valid KERAP	81	20.6	20.6	94.4
TIDAK TAHU	22	5.6	5.6	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.7 menunjukkan taburan responden dari segi kekerapan mereka melakukan transaksi perbankan internet. Seramai 115 orang (29.3%) responden menyatakan tidak pernah, seramai 175 orang (44.5%) responden menyatakan kadang-kadang, 81 orang (20.6%) menyatakan kerap melakukannya, dan selebihnya seramai 22 orang (5.6%) responden menyatakan tidak tahu.

Jadual 6.8 : Pengetahuan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid YA	166	42.2	42.2	42.2
TIDAK	226	57.5	57.5	99.7
3.00	1	.3	.3	100.0
Total	393	100.0	100.0	

Jadual 6.8 menunjukkan taburan responden dari segi pengetahuan mereka mengenai wujudnya kemudahan pembayaran zakat melalui internet ini. Seramai 166 orang (42.2%) responden menyatakan mereka mengetahui wujudnya kemudahan ini, manakala seramai 226 orang (57.5%) menyatakan tidak tahu.

Jadual 6.9 : Pernah Menggunakan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid YA	58	14.8	14.8	14.8
TIDAK	334	85.0	85.2	100.0
Total	392	99.7	100.0	
Missing System	1	.3		
Total	393	100.0		

Jadual 6.9 menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman mereka sama ada pernah membayar zakat melalui perbankan internet atau sebaliknya. Seramai 58 orang (14.8%) responden menyatakan pernah, dan seramai 334 orang (85%) menyatakan sebaliknya.

Jadual 6.10 : Jika Ya (Pernah Membayar Zakat Melalui Perbankan Internet)

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	MUDAH, YAKIN, JIMAT MASA	42	10.7	73.7	73.7
	TIDAK SEMPAT KE KAUNTER	15	3.8	26.3	100.0
	Total	57	14.5	100.0	
Missing	System	336	85.5		
Total		393	100.0		

Jadual 6.10 menunjukkan respon bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan pembayaran zakat melalui internet. Seramai 42 orang (10.7%) responden menyatakan kerana mudah, yakin, dan menjimatkan masa, manakala selebihnya seramai 15 orang (3.8%) responden menyatakan bahawa mereka tidak sempat ke kaunter zakat.

Jadual 6.11 : Jika Tidak Pernah

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	TIDAK YAKIN KESELAMATAN	9	2.3	2.7	2.7
	TIDAK TAHU GUNA	35	8.9	10.4	13.1
Valid	TIDAK TAHU WUJUD	38	9.7	11.3	24.5
	TIDAK JELAS HUKUM	49	12.5	14.6	39.1
	SUKA TRADISI	204	51.9	60.9	100.0
	Total	335	85.2	100.0	
Missing	System	58	14.8		
Total		393	100.0		

Jadual 6.11 menunjukkan taburan jawapan daripada responden yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah membayar zakat menerusi perbankan internet. Seramai 9 orang (2.3%) responden menyatakan mereka tidak yakin akan keselamatan, seramai 35 orang (8.9%) responden menyatakan bahawa mereka tidak tahu menggunakan kaedah ini, seramai 38 orang (9.7%) menyatakan bahawa mereka tidak tahu wujudnya kemudahan ini, seramai 49 orang (12.5%) responden menyatakan mereka tidak jelas aspek hukum sama ada sah atau tidak, dan selebihnya seramai 204 orang (51.9%) menyatakan bahawa mereka lebih suka membayar zakat dengan kaedah tradisi iaitu bersemuka dengan pegawai/amil.

Jadual 6.12 : Pandangan Hukum

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	TIDAK TAHU	212	53.9	54.5
	SAH	135	34.4	89.2
	TIDAK SAH	42	10.7	100.0
	Total	389	99.0	100.0
Missing	System	4	1.0	
Total		393	100.0	

Jadual 6.12 menunjukkan taburan responden dari segi pandangan dan kefahaman mereka mengenai hukum menggunakan kaedah ini. Seramai 212 orang (53.9%) responden menyatakan tidak tahu, seramai 135 orang (34.4%) orang responden menyatakan sah, dan selebihnya seramai 42 orang (10.7%) menyatakan kaedah ini adalah tidak sah.

Jadual 6.13 : Sebab Tidak Sah

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	TIADA AKAD	52	13.2	86.7
	TIADA DALAM SUNNAH, SAHABAT, MAZHAB	2	0.5	90.0
	BANYAK RISIKO	6	1.5	100.0
	Total	60	15.3	100.0
Missing	System	333	84.7	
Total		393	100.0	

Jadual 6.13 menunjukkan respon mereka yang menyatakan tidak sah menggunakan kaedah ini. Seramai 52 orang (13.2%) responden menyatakan disebabkan tiada akad semasa transaksi internet, seramai 2 orang (0.5%) menyatakan sebab tiada dalam

sunnah amalan Rasulullah SAW, sahabat, atau imam-imam mazhab, manakala selebihnya seramai 6 orang (1.5%) responden menyatakan disebabkan terdapat banyak unsur-unsur risiko.

6.3 Analisa Deskriptif

Jadual 6.14 : Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation
Kemudahan	393	4.0433	.61604
Kegunaan	393	3.9693	.59604
Tingkah laku	393	3.6821	.71655
Keyakinan	393	3.7525	.69985
Valid N (listwise)	393		

Jadual 6.14 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang mana kesemuanya menunjukkan nilai positif yang tinggi iaitu antara 3.6821 sehinggalah 4.0433. Keempat-empat pembolehubah bebas ini diukur berdasarkan 5 mata skala likert.

6.4 Ujian Reliabiliti

Menurut Sekaran (2003), ujian ini adalah bagi menentukan konsistensi dalaman setiap skala dalam setiap pembolehubah bebas. Sekiranya keputusan yang diperolehi kurang daripada 0.6, maka ia adalah lemah. Keputusan 0.7 dianggap boleh diterima, dan 0.8 dan ke atas adalah baik. Nilai yang semakin hampir kepada 1, maka kebolehpercayan konsistensi dalaman adalah semakin tinggi.

Jadual 6.15 : Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.723	4

Jadual 6.15 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* bagi pembolehubah kemudahan ini adalah boleh diterima kerana melebihi aras 0.70.

Jadual 6.16 : Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.441	3

Jadual 6.16 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* bagi pembolehubah kegunaan ini adalah lemah kerana berada di bawah aras 0.60.

Jadual 6.17 : Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.704	4

Jadual 6.17 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* bagi pembolehubah tingkah laku ini adalah boleh diterima kerana melebihi aras 0.70.

Jadual 6.18 : Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.712	4

Jadual 6.18 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* bagi pembolehubah keyakinan ini adalah boleh diterima kerana melebihi aras 0.70.

6.5 Ujian Korelasi

6.5.1 Hipotesis Kajian

- H01 Tiada hubungan signifikan antara faktor kemudahan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H11 Wujud hubungan signifikan antara faktor kemudahan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H02 Tiada hubungan signifikan antara faktor kegunaan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H12 Wujud hubungan signifikan antara faktor kegunaan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H03 Tiada hubungan signifikan antara faktor tingkah laku dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

- H13 Wujud hubungan signifikan antara faktor tingkah laku dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H04 Tiada hubungan signifikan antara faktor keyakinan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H14 Wujud hubungan signifikan antara faktor keyakinan dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H05 Tiada hubungan yang signifikan antara faktor hukum dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.
- H15 Wujud hubungan yang signifikan antara faktor hukum dan faktor pengetahuan/ penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara internet.

Jadual 6.19 : Correlations

		Tahu	Pernah	Kemudahan	Kegunaan	Tingkah laku	Keyakinan
Tahu	Pearson Correlation	1	.441**	-.074	-.031	-.016	.134**
	Sig. (1-tailed)		.000	.073	.268	.378	.004
	N	393	392	393	393	393	393
Pernah	Pearson Correlation	.441**	1	-.098*	-.089*	-.121**	-.080
	Sig. (1-tailed)	.000		.026	.040	.008	.057
	N	392	392	392	392	392	392
Kemudahan	Pearson Correlation	-.074	-.098*	1	.481**	.436**	.074
	Sig. (1-tailed)	.073	.026		.000	.000	.071
	N	393	392	393	393	393	393
Kegunaan	Pearson Correlation	-.031	-.089*	.481**	1	.613**	.452**
	Sig. (1-tailed)	.268	.040	.000		.000	.000
	N	393	392	393	393	393	393
Tingkah laku	Pearson Correlation	-.016	-.121**	.436**	.613**	1	.454**
	Sig. (1-tailed)	.378	.008	.000	.000		.000
	N	393	392	393	393	393	393
Keyakinan	Pearson Correlation	.134**	-.080	.074	.452**	.454**	1
	Sig. (1-tailed)	.004	.057	.071	.000	.000	
	N	393	392	393	393	393	393

** . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

* . Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

6.5.2 Pembolehubah Bersandar Mengenai Persepsi: Pengetahuan Responden

Jadual 6.19 menunjukkan dari segi pengetahuan responden dan pembolehubah kemudahan, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.074$. Hubungan antara dua pembolehubah ini tidak signifikan iaitu pada aras 0.73. Oleh itu H_0 adalah diterima.

Dari segi pengetahuan responden dan pembolehubah kegunaan, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.031$. Hubungan antara dua pembolehubah ini tidak signifikan iaitu pada aras 0.268. Oleh itu H02 adalah diterima.

Dari segi pengetahuan responden dan pembolehubah tingkah laku, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.016$. Hubungan antara dua pembolehubah ini tidak signifikan iaitu pada aras 0.378. Oleh itu H03 adalah diterima.

Dari segi pengetahuan responden dan pembolehubah keyakinan, terdapat hubungan yang positif dengan nilai $r = 0.134$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan iaitu pada aras 0.004. Oleh itu H04 adalah ditolak. Ini menunjukkan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menambah serta meningkatkan keyakinan masyarakat dan juga pengawalan risiko/keselamatan internet akan turut sama meningkatkan pengetahuan mereka tentang kemudahan yang disediakan ini.

6.5.3 Pembolehubah Bersandar Mengenai Persepsi: Penggunaan Perkhidmatan

Jadual 6.19 menunjukkan dari segi penggunaan perkhidmatan ini oleh responden dan pembolehubah kemudahan, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.098$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan iaitu pada aras 0.026. Oleh itu H01 adalah ditolak. Ini menunjukkan faktor kemudahan seperti boleh dilaksanakan di mana sahaja, lebih selesa, menjimatkan masa dan kemudahan infrastruktur amat mempengaruhi penggunaan perkhidmatan pembayaran zakat secara perbankan internet.

Dari segi penggunaan perkhidmatan ini oleh responden dan pembolehubah kegunaan, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.089$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan iaitu pada aras 0.040. Oleh itu H01 adalah ditolak. Ini menunjukkan pengalaman dan kemahiran menggunakan perkhidmatan perbankan internet mempengaruhi pengguna untuk menggunakan perkhidmatan ini.

Dari segi penggunaan perkhidmatan ini oleh responden dan pembolehubah tingkah laku, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.121$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan iaitu pada aras 0.008. Oleh itu H03 adalah ditolak. Ini menunjukkan pengaruh rakan, kempen institusi zakat, dan institusi perbankan memainkan peranan besar untuk mempengaruhi responden supaya menggunakan perkhidmatan ini.

Dari segi penggunaan perkhidmatan ini oleh responden dan pembolehubah keyakinan, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -.080$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah tidak signifikan iaitu pada aras 0.057. Oleh itu H04 adalah diterima.

6.5.4 Pembolehubah Bersandar Mengenai Pengetahuan/Penggunaan, Dan Pandangan Hukum

Jadual 6.20 : Correlations

		TAHU	PERNAH MENGGUNAKAN N	PANDANGAN HUKUM
TAHU	Pearson Correlation	1	.441**	-.073
	Sig. (1-tailed)		.000	.075
	N	393	392	389
PERNAH MENGGUNAKAN	Pearson Correlation	.441**	1	-.109*
	Sig. (1-tailed)	.000		.016
	N	392	392	388
PANDANGAN HUKUM	Pearson Correlation	-.073	-.109*	1
	Sig. (1-tailed)	.075	.016	
	N	389	388	389

** . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

* . Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

Jadual 6.20 di atas menunjukkan dari segi pengetahuan responden dan pembolehubah hukum, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -0.073$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah tidak signifikan pada aras 0.075. Oleh itu H_0 diterima.

Manakala dari segi hubungan penggunaan responden dan pembolehubah hukum pula, terdapat hubungan yang negatif dengan nilai $r = -0.109$. Hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan pada aras 0.016. Oleh itu H_0 adalah ditolak. Ini menunjukkan kefahaman responden mengenai hukum pembayaran zakat secara perbankan internet amat mempengaruhi penggunaan perkhidmatan ini.

BAB KETUJUH

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

7.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat perbincangan mengenai hasil kajian yang telah ditemui, berserta cadangan dan penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam bab-bab sebelum ini.

7.2 Perbincangan

Penyelidikan ini adalah berkaitan persepsi umat Islam terhadap pembayar zakat secara perbankan internet. Objektif utama kajian ialah untuk melihat pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu persepsi masyarakat terhadap kemudahan, kegunaan, tingkah laku masyarakat, faktor keyakinan, serta kefahaman terhadap hukum, adakah mempunyai kesan dan pengaruh terhadap pembayaran zakat melalui perbankan internet.

Bagi mencapai tujuan itu, sejumlah 400 borang soal-selidik telah diedarkan secara serahan tangan kepada responden. Responden adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari 20 tahun sehinggalah 60 tahun, pelbagai peringkat pendidikan dan pekerjaan. Responden dipilih dari kalangan yang celik teknologi maklumat. Daripada jumlah tersebut hanya 58 orang sahaja menyatakan pernah menggunakan

kaedah pembayaran zakat secara internet ini. Majoriti responden masih memilih kaedah tradisi yang telah sebatik diamalkan sejak sekian lama. Ada pula kalangan responden lain yang tidak tahu menggunakan, dan juga tidak tahu wujudnya kemudahan ini.

Terdapat respon yang menyatakan bahawa mereka tidak jelas mengenai hukum transaksi ini. Ini adalah persepsi dan persoalan yang kerap diterima oleh penyelidik sendiri sepanjang berpeluang mendekati pembayar zakat dan membangkitkan isu kemudahan ini kepada mereka. Majoriti responden menyatakan tidak tahu sama ada kaedah ini sah atau tidak. Ini menunjukkan bahawa mereka masih ragu-ragu tentang perlaksanaan ibadah zakat dengan cara ini. Ada pula kalangan responden yang menyatakan dengan penuh yakin bahawa kaedah ini tidak sah. Soal-selidik turut melihat pemahaman mereka yang menganggap kaedah ini tidak sah dan tidak tahu apakah hukum terhadap pembayaran zakat melalui kaedah ini. Seperti mana lazim, isu tiadanya akad secara *ijab* dan *qabul* serta bersalaman antara pembayar dan Amil menjadi persoalan mereka.

Ini menunjukkan bahawa pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan yang terlibat sama ada pihak perbankan, institusi zakat, termasuklah pihak kerajaan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai perkara ini.

Semasa soal-selidik dijalankan, terdapat juga sebilangan kecil responden yang telah menjadi kebiasaannya menggunakan perkhidmatan perbankan internet untuk tujuan lain. Pada masa yang sama juga, mereka tahu bahawa perkhidmatan bayaran zakat

turut disediakan, dan turut faham bahawa hukumnya adalah sah. Namun, mereka masih terus memilih untuk menunaikan ibadah ini terus ke kaunter zakat.

Barangkali, situasi di negeri Kedah tidak sama dengan negeri lain khususnya Wilayah Persekutuan dan Selangor. Bagi contoh dua negeri tersebut, faktor kesesakan jalanraya dan kos perjalanan serta kos untuk meletak kenderaan mungkin menjadi antara pertimbangan utama mereka memilih kaedah ini.

7.3 Kemudahan (*Rukhsah*) Dalam Muamalat

Islam adalah satu agama yang mudah sesuai dengan fitrah manusia dan tidak membebankan penganutnya. Dalam ibadat sembahyang misalnya, Allah SWT memberi kemudahan bagi mereka yang tidak mampu berdiri, untuk sembahyang secara duduk, sehinggalah kepada yang paling uzur iaitu dengan solat secara berbaring dengan isyarat mata. Begitu juga dalam keadaan bermusafir, diberi keringanan (*rukhsah*) untuk sembahyang secara *qasar* atau *jama'*.

Secara umumnya, ibadat khusus adalah bersifat ikutan (*ta'abbudi*) iaitu memerlukan dalil yang jelas untuk diamalkan. Manakala bagi urusan muamalat pula, apabila tiada dalil yang jelas menunjukkan bahawa tindakan itu haram atau bertentangan dengan syariah, maka urusan muamalat itu adalah diharuskan. Ini menunjukkan bahawa asas kepada muamalat itu ialah mudah dan toleransi, apatah lagi apabila urusan muamalat itu membawa kebaikan (*mashalah*) kepada umat Islam, maka ia adalah digalakkan.

Dalil kepada harusnya muamalat ini berdasarkan kepada beberapa firman Allah SWT dalam al-Quran:

“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.”

(Terjemahan surah al-Baqarah 2:29)

“Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.”

(Terjemahan surah al-Hajj 22: 78)

“Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

(Terjemahan surah al-Baqarah 2:185)

Dari Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya agama itu mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agama melainkan ia akan dikalahkan. Oleh karena itu kerjakanlah dengan semestinya, atau mendekati semestinya dan bergembiralah (dengan pahala Allah) dan mohonlah pertolongan diwaktu pagi, petang dan sebagian malam"

(Terjemahan Hadis riwayat al-Bukhari, 1986)

Dari sini lahirnya kaedah fekah yang berbunyi ‘hukum asal bagi segala sesuatu adalah harus’, dan ‘kesulitan itu membawa kepada kemudahan’.

Jelaslah di sini bahawa kaedah pembayaran zakat melalui perbankan internet ini merupakan salah satu daripada ciri-ciri muamalat yang menjadi satu kemudahan (*rukhsah*) kepada umat Islam untuk menggunakannya. Oleh itu, urusan muamalat antara manusia dengan manusia ini telah mewujudkan suatu kontrak atau pun satu ikatan persefahaman dan persepakatan antara kedua belah pihak yang mana ianya

adalah harus walaupun kaedah ini tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW, sahabat, imam-imam mazhab, mahupun para ilmuwan Islam sebelum teknologi perbankan internet ini diperkenalkan.

7.4 Cadangan

JZNK hendaklah memberi penerangan dengan lebih jelas kepada masyarakat tentang kemudahan perkhidmatan yang disediakan ini. Sekiranya semakin ramai pembayar zakat menggunakan perkhidmatan ini, secara tidak langsung, JZNK akan dapat mengurangkan kesibukan operasi kaunter terutamanya pada waktu-waktu puncak.

Meskipun terbukti kaedah pembayaran zakat melalui perbankan internet memudahkan pengguna dan JZNK, JZNK juga perlu mengambil perhatian mengenai satu perkara yang penting iaitu hubungan antara pembayar zakat dan JZNK juga semakin jauh. Justeru, JZNK perlu mencari kaedah agar hubungan ini terus terpelihara untuk menjamin kelangsungan kutipan zakat, serta kerjasama baik antara kedua belah pihak dalam aspek agihan zakat dan perkara lain berkaitan terus subur.

Kerjasama yang baik antara pihak bank dan JZNK adalah amat perlu untuk menyampaikan maklumat mengenai kemudahan ini. Penerangan hendaklah tidak hanya tertumpu kepada kaedah penggunaan sahaja, malah hendaklah turut ditekankan tentang faktor keselamatan iaitu dari segi ancaman, pencegahan serta kekuatan yang ada pada sistem perbankan untuk mengelakkan risiko yang tidak diingini daripada berlaku. Ini amat penting untuk meningkatkan keyakinan mereka untuk melakukan

transaksi di internet tanpa ragu-ragu. Kerjasama mempromosikan kemudahan ini di media massa adalah satu usaha yang baik dengan memaparkan kaedah penggunaan, serta faedah yang diperoleh oleh pembayar zakat. Pihak bank dan JZNK juga hendaklah memastikan pembayar zakat mendapatkan maklum balas segera terhadap zakat yang telah ditunaikan.

Pihak kerajaan juga melalui agensi-agensi berkaitan serta wakil masyarakat setempat perlulah memainkan peranan mereka dengan menyediakan prasarana dan kemudahan akses maklumat serta internet kepada masyarakat dengan lebih meluas. Kemudahan ini merupakan faktor mendesak dan merangsang kepada masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan perbankan internet.

Begitu juga aspek hukum yang menjadi polemik sekian lama bagi sebilangan masyarakat. Penjelasan hendaklah dengan bersandarkan kepada hujah yang kuat, mudah difahami serta meyakinkan mereka bahawa transaksi pembayaran zakat secara internet adalah sah, dan diterima oleh syara’.

7.5 Sumbangan Kepada Masyarakat

Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat. Penyelidikan ini boleh menjadi panduan kepada masyarakat untuk melihat senario semasa kemajuan teknologi maklumat, tanpa mengenyepikan kemajuan tersebut untuk digunapakai dalam memudahkan ibadah zakat. Masyarakat juga akan faham dan dapat membezakan antara hukum dan budaya pembayaran zakat. Mereka

akan memahami bahawa budaya yang telah diamalkan sejak sekian lama itu sebenarnya bukanlah menjadi suatu perkara yang wajib untuk dilaksanakan, namun tidaklah menjadi kesalahan untuk terus diamalkan.

Rentetan itu, sudah pasti masyarakat akan mudah untuk menerima dan tidak timbul persoalan tentang kemudahan lain yang turut diperkenalkan oleh JZKN pada masa ini selain perbankan internet. Contohnya ialah seperti pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas, pembayaran zakat melalui kad kredit, dan tidak mustahil dengan kemajuan pesat teknologi maklumat pada masa ini, timbul pula kaedah baru yang akan diperkenalkan oleh institusi perbankan dan JZKN.

7.6 Cadangan Penyelidikan Akan Datang

Zakat merupakan rukun Islam yang sentiasa berkembang sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Banyak *ijtihad-ijtihad* baru muncul terhadap harta-harta baru yang dikenakan zakat, dan perluasan tafsiran *asnaf* untuk menjamin keseimbangan sosio ekonomi umat Islam.

Justeru, kajian mengenai penyelidikan ini boleh diteruskan lagi dengan meluaskan skopnya terhadap beberapa perkara seperti sempadan populasi. Pada masa hadapan, penyelidikan lanjutan boleh dilaksanakan dengan ruang lingkup populasi yang lebih luas ke negeri-negeri lain dalam Malaysia dalam bentuk kajian perbandingan atau sebagainya.

Begitu juga dengan persepsi masyarakat terhadap kaedah-kaedah baru pembayaran zakat yang diperkenalkan oleh JZNK pada masa ini iaitu pembayaran zakat menerusi khidmat pesanan ringkas, dan kad kredit. Penyelidikan boleh diteruskan dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah bebas yang sama.

7.7 Rumusan

Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan lemah antara pembolehubah-pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Oleh itu, semua pihak yang terlibat sama ada pihak JZNK, institusi perbankan, pihak kerajaan serta pihak-pihak lain yang berkaitan perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha untuk melakukan penambahbaikan, seterusnya meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap perkhidmatan pembayaran zakat menerusi internet ini.

Islam adalah satu agama yang sesuai sepanjang zaman. Al-Quran dan Hadis merupakan acuan yang disediakan untuk diamalkan oleh umat Islam. Selama mana kaedah *maslahah* yang diguna pakai itu selari dengan keduanya, maka hukumnya adalah harus untuk diamalkan. Kesesuaian ini menjadikan kehidupan umat yang semakin kompleks dan maju ini menjadi mudah dan teratur.

Tidak seperti mana rukun Islam yang lain, zakat adalah rukun Islam yang banyak melalui proses perubahan hukum dari masa ke semasa. *Ijtihad* baru mengenai harta-harta yang dikenakan zakat, kaedah pengiraan, '*uruf*, *asnaf* dan sebagainya perlu dikemaskini dan diteliti dari masa ke semasa. Kajian lanjut mengenai perkara

berkaitan sentiasa dilakukan untuk memastikan pelaksanaan ibadah ini dapat mengimbangi kehidupan umat Islam, tanpa meminggirkan kemunculan jenis-jenis harta kekayaan yang baharu, mahupun mengabaikan *asnaf* yang memerlukan. Termasuk jugalah apa yang dibincangkan dalam penyelidikan ini iaitu kaedah pembayaran zakat secara perbankan internet.

RUJUKAN:

- Al-Quran Tafsir al-Rahman. (2007), Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Muhaimin Mahmood. (2011), *Konsep Akad dan Jenisnya dalam Muamalat Islam*, <http://www.islam.gov.my/muamalat/artikel/konsep-akad-dan-jenisnya-dalam-muamalat-islam/>, dicapai pada 10 Oktober 2013.
- Abu Hassan Alshari Yahaya. (2012), *Speech by Assistant Governor at the Launch of e-Banking Fraud Awareness Campaign*, Bank Negara Malaysia. http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_speech&pg=en_speech_all&ac=459, dicapai pada 13 April 2013.
- Ahasanul Haque¹., Arun Kumar Tarofder., Sabbir Rahman., & Md Abdur Raquib. (2009), Electronic Transaction of Internet Banking and its Perception of Malaysian Online Customers, *African Journal of Business Management* Vol.3 (6), pp. 248-259.
- Ahmad Maslan. (2013), *Ucapan dalam Persidangan dan Pameran Banktech Asia 2013*, Kuala Lumpur, http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Perbankan_internet_mudahalihbakalmeningkat_AhmadMaslan/Article/index_html, dicapai pada 3 Oktober 2013.
- Akram Jalal., Jassim Marzooq., & Hassan A. Nabi. (2011), Evaluating the Impacts of Online Banking Factors on Motivating the Process of E-Banking, *Journal of Management and Sustainability*, Vol. 1, No. 1.
- Akta Kontrak 1950. (2006), Akta 136, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Amir Akmar. (2009), Payment Systems in Malaysia: Recent Developments and Issues. *ADB Working Paper* 151. Tokyo: Asian Development Bank Institute.
- Asia Pacific Network Information Centre. (2004), *The Internet in Malaysia*, https://www.apnic.net/__data/assets/pdf_file/0020/27920/apster9-200402.pdf, dicapai pada 1 Oktober 2013.

- Azlin Alisa Ahmad., Muhd Adib Samsuddin., & Mustafa 'Afifi Ab. Halim. (2008), *Perniagaan Internet: Antara Masalah dan Mafsadah*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan 2008, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2012), *Financial Stability and Payment Systems Report 2012*, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2012/cp05.pdf>, dicapai pada 10 April 2013.
- Bank Negara Malaysia. (2012), *List of Regulatees: List of Banks Offering Internet and Mobile Banking Services*, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_regulatees, dicapai pada 15 April 2013.
- Bank Negara Malaysia. (2012), *Internet Banking and Mobile Banking Subscribers*, http://www.bnm.gov.my/payment/statistics/pdf/04_internet_banking.pdf, dicapai pada 15 April 2013.
- Cyber Security Malaysia. (2012), *Cyber Security Scenario In Malaysia Mid Year Review*, http://www.cybersecurity.my/data/content_files/44/1015.pdf, dicapai pada 2 April 2013.
- D. Harrison, M., Vivek, C., & Charles, K. (2002), The Impact of Initial Consumer Trust on Intentions to Transact with a Web Site: A Trust Building Model, *Journal of Strategic Information Systems* 11, 297–323.
- Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955), Alor Setar: Percetakan Nasional Bhd.
- Faisal Mustafa, Ketua Bahagian Sumber Manusia JZKN, Temu Bual pada 13 Oktober 2013.
- Fatemeh Meskaran., & Zuraini Ismail. (2012), Customers' Trust in E-Commerce: in Collective Culture Setting, *Advanced Informatics School UTM*, 182-186.
- Ghazali Yaacob, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Temu Bual pada 28 November 2013.

Hamed Armesh., Habibollah Salarzahi., Noor Mohammad Yaghoobi., Alireza Heydari., & Davoud Nikbin. (2012), The Effects of Security and Privacy Information on Trust & Trustworthiness and Loyalty in Online Marketing in Malaysia, *International Journal of Marketing Studies, Canadian Center of Science and Education*, Vol. 2, No. 2, 223-234.

<http://islamtoday.net>. (2012), إجراء المعقود بآلات صال الحديد ثة, <http://islamtoday.net/bohooth/artshow-32-4720.htm>, dicapai pada 10 Oktober 2013.

Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2002), *Fatwa Tentang Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan Maybank2u*, <http://www.muftiselangor.gov.my/ms/fatwa-tahunan/pewartaan/2000-2004/137-fatwa-tentang-pembayaran-zakat-melalui-perkhidmatan-maybank-2u>, dicapai pada 8 Disember 2013.

Jabatan Zakat Negeri Kedah. (2013), *Sistem Maklumat Zakat*, www.zakatkedah.com/sms, dicapai pada 6 Februari 2013.

John P., & Jackie L. (2001), Drivers and Impediments to E-Commerce in Malaysia, *Malaysian Journal of Library & Information Science*, Vol.6, no.2, December 2001: 1-19.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970), Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

Lee, H.Y., Ahn, H., & Han, I. (2006), Analysis of Trust in the E-Commerce Adoption, *Proceedings of the 39th Hawaii International Conference on System Sciences*, Korea Advanced Institute of Science and Technology, 2006 IEEE.

Lu H., & Yongsheng J. (2009), A Review of Technology Acceptance Model in the E-commerce Environment, *International Conference on Management of e-Commerce and e-Government*, School of Economics and Management, Beijing University, 2009 IEEE.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Izam Mohamed Yusof. (2013), *Zakat Management in Malaysia: Challenges & Prospects*, Kertas Kerja Dibentangkan di National Business Zakat Symposium, Kuala Lumpur.

- Mohd Saiyidi Mokhtar Mat Roni. (2007), *Fostering Trust in an Online Zakat Payment*, Kertas Kerja Dibentangkan di Konferensi Zakat Asia Tenggara, Padang, Indonesia.
- Muhammad Ismail al-Bukhari. (1986), *Shahih al-Bukhari*, Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliah.
- Muhammad Rizal Razman. (2001), Transaksi Jual Beli Melalui Internet dari Perspektif Islam: Implikasi Terhadap Pendidikan Ummah. *Jurnal Pendidikan*. Jil. 9, Bil. 4., pp. 41-50.
- Mujaini Tarimin. (1999), *Zakat Pendapatan: Hukum dan Persoalan*, Kuala Lumpur: Khaisha Services.
- Muslim al-Hajjaj. (1998), *Shahih Muslim*, Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliah.
- Mustafa Al-Khin., Mustafa al-Bugha., & Ali al-Sharbaji. (1992), *Al-Fiqh al-Manhaji*, Damshiq: Dar al-Qalam, jld 2.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2008), Aplikasi Sains dan Teknologi dalam Transaksi Muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun-Rukun Akad Mengikut Perspektif Undang-Undang Kontrak Islam, *Jurnal Teknologi*, 49(E) Dis. 2008: 81–91.
- Noor R. Ab Hamid. (2008), Consumers' Behaviour Towards Internet Technology and Internet Marketing Tools, *International Journal Of Communications*, Issue 3, Volume 2.
- Nor Adila Mohd Noor., & Nor Azlina Mohd Noor. (2008), *Kontrak E-Dagang: Perbandingan Aqad (Kontrak) Dalam Muamalah Islam*, http://www.internationalconference.com.my/proceeding/ice2008_proceeding/PAPER_027_KontrakEDagang.pdf, dicapai pada 2 Oktober 2013.
- Perlembagaan Persekutuan. (2008), Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Ramayah, T., & Muhamad Jantan. (2004), Technology Acceptance: an Individual Perspective. Current and Future Research in Malaysia. *Review of Business Research*, IABE, 2 (1), 103-111.

- Rohaya Shaari., & Hafizi Muhamad Ali. (2005), Internet Banking: from the Perspective of Malaysian Bankers, *International Journal of Management Studies, Universiti Utara Malaysia*, 12 (2),115-124.
- Al-Sayyid Saabiq. (1984), *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Misr li at-Taba'ah, jld 1.
- Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah. (1992), Alor Setar: Jabatan Zakat Negeri Kedah.
- Sekaran, U. (2003), *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*, 4th Edition, New York: John Wiley & Sons.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007), *Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*, Kertas Kerja Dibentangkan di Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Kuala Lumpur.
- Sonny Zulhuda. (2012), E-Payment Gateway Service in Malaysia and the Analysis of its Legal Framework, *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(11): 233-238.
- Stijn, C., Glaessner, T. & Klinebiel, D. (2000), Electronic Finance: Reshaping the Financial Landscape Around the World, *World Bank: Financial Sector Discussion Paper No. 4*.
- Suganthi, Balachander & Balachandran. (2001), *Internet Banking Patronage: An Empirical Investigation of Malaysia*. Journal of Internet Banking and Commerce, 6(1), <http://www.arraydev.com/commerce/jibc/0301-01.htm>, dicapai pada 10 April 2013.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2011), *Household Use Of The Internet Survey*, <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Household-Internet-Usage-Survey/Household-Use-of-the-Internet-Survey-2011.aspx>, dicapai pada 2 April 2013.
- Wahbah al-Zuhaily. (2002), *Fiqh & Perundangan Islam*, (Md. Akhir Yaacob, Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, jld.4.
- Yusuf al-Qardhawi. (1988), *Hukum Zakat* (Salman Harun., Didin Hafidudin., & Hasanuddin, Terj.), Jakarta: Pustaka Litera Antarnusa.

Yusuf al-Qardhawi. (2009), *Insititusi Zakat: Peranan dan Tanggungjawab* (Arsil Ibrahim, Terj.), Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

Zeti Akhtar Aziz. (2000), *Speech at the Launch of Maybank's Internet Banking Service, Nikko Hotel, Kuala Lumpur*, www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_speech&pg=en_speech_all&ac=36&lang=en, dicapai pada 15 April 2013.